

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas: 74 Yo

No Perolehan: 70222

Tarikh: 12/74

PERBANDINGAN ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK
KAMPUNG MAYANG DAN KAWASAN SETINGGAN
KUALA LUMPUR

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

oleh

No. Matrik 19264

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

OCTOBER 1974

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	
PENGENALAN	
- METODE KAJIAN	
BAB I - KOMMUNITI	1 - 48
I. Latar Belakang Kampung Mayang	1
(a) Kampung Mayang Hari Ini (secara am)	1
(b) Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampung Mayang	2
(c) Latar Belakang Penduduk-Penduduk Kampung Mayang	3
(d) Pendapatan dan Pekerjaan	4
(e) Kesetabilan Ekonomi	6
(f) Perkembangan parti politik di Kampung Mayang	7
II. Latar Belakang Kawasan Setinggan	9
(a) Keadaan Kawasan Setinggan Secara Ringkas	9
(b) Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan	10
III. Perbandingan antara keadaan penduduk-penduduk Kampung Mayang dan Kawasan Setinggan	14
BAB II - ASPIRASI SECARA AM	19 - 27
(a) Pengertian Aspirasi	19
(b) Perpindahan Rating	25

	<u>Halaman</u>
BAB III - ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN	28 - 45
(a) Rating Personal	28
(b) Rating Negara	31
(c) Perpindahan Rating	34
(d) Perkara-perkara yang diharapkan	37
(e) Perkara-perkara yang dibimbangkan	41
BAB IV - ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG	46 - 63
(a) Rating Personal	46
(b) Rating Negara	48
(c) Perpindahan Rating	51
(d) Perkara-perkara yang diharapkan	57
(e) Perkara-perkara yang dibimbangkan	59
BAB V - PERBANDINGAN ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN KAMPUNG MAYANG	64 - 76
(a) Perbandingan Rating	64
(i) Rating Personal	64
(ii) Rating Negara	66
(b) Perbandingan Perpindahan Rating	68
(c) Perpindahan perkara-perkara yang diharapkan	73
(d) Perbandingan Perkara yang dibimbangkan	75
BAB VI - KESIMPULAN DAN PENUTUP	77 - 80
(a) Kelemahan masalah-masalah yang dihadapi dan cadangan-cadangan kajian di masa hadapan	83
LAMPIRAN Bibliografi	84

SENARAI GERAF

1. Tingkatan Rating Personal yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kawasan Setinggan.
2. Tingkatan Rating Nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kawasan Settingan.
3. Tingkatan Rating Personal dan nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kawasan Setinggan.
4. Tingkatan Rating Personal yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.
5. Tingkatan Rating Nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.
6. Tingkatan Rating Personal dan Nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.
7. Tingkatan Rating Personal Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang.
8. Tingkatan Rating Nasional penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang.

SENARAI JADUAL

	<u>Halaman</u>
1. Tingkat pencapaian yang paling tinggi oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang	4
2. Pendapatan bulanan bagi 25 orang penduduk-penduduk dari Kampung Mayang	5
3. Jenis-jenis pekerjaan penduduk-penduduk Kampung Mayang	6
4. Jumlah bilangan anak dalam satu-satu famili di kawasan setinggan dan Kampung Mayang	7
5. Pendapatan bulanan penduduk-penduduk kawasan setinggan	11
6. Jenis-jenis pekerjaan penduduk-penduduk Kawasan Setinggan	11
7. Tingkat pencapaian yang paling tinggi oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan	12
8. Jenis aliran/perantaraan penduduk-penduduk kawasan setinggan	13
9. Pendapatan bulanan bagi 25 orang penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang	15
10. Jenis-jenis pekerjaan penduduk-penduduk Kampung Mayang dan kawasan setinggan	16
11. Tingkat pencapaian yang paling tinggi oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang	17
12. Jenis perantaraan penduduk-penduduk Kampung Mayang dan Kawasan Setinggan	18
13. Tingkatan dan perpindahan rating penduduk-penduduk di India dan Amerika Syarikat	26
14. Tingkatan/rating personal penduduk-penduduk kawasan setinggan	29

Halaman

15.	Purata Rating Nasional penduduk-penduduk kawasan setinggan.	32
16.	Perpindahan rating personal yang diperolehi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan .	34
17.	Perpindahan rating negara yang diperolehi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan.	36
18.	Perkara personal yang diharapkan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan.	38
19.	Perkara nasional yang diharapkan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan.	40
20.	Perkara personal yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan.	42
21.	Perkara nasional yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan.	44
22.	Purata rating personal yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.	46
23.	Purata rating negara yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.	49
24.	Perpindahan rating personal penduduk-penduduk Kampung Mayang.	51
25.	Perpindahan rating nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang	55
26.	Harapan personal penduduk-penduduk Kampung Mayang	57
27.	Harapan negara penduduk-penduduk Kampung Mayang.	58
28.	Perkara personal yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang	61
29.	Perkara nasional yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang.	62
30.	Perbandingan purata rating personal yang diberikan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	65

31.	Purata rating nasional penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	67
32.	Perpindahan rating personal diantara penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	69
33.	Perpindahan rating nasional penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	71
34.	Perkara personal yang dihoropkan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	73
35.	Harapan negara penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang .	74
36.	Kebimbangan personal penduduk-penduduk Kampung Mayang dan kawasan setinggan.	75
37.	Kebimbangan nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang.	76

PENGHARGAAN

Kajian dan penyelidikan ini telah diselenggarakan oleh Puan Lee Ai Yun dan atas nasihat, syor-syor dan tunjuk ajarnya yang amat berguna, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau.

Saya juga sangat berbesar hati terhadap mereka yang telah membantu saya sepanjang penyelidikan tersebut dilaksanakan. Tanpa kerjasama dan pertolongan yang diberikan oleh mereka, mungkin kajian ini tidak dapat dijalankan dengan jayanya. Penghargaan ini saya tujuarkan kepada penduduk-penduduk di kedua-dua tempat kajian (Kampung Mayang¹ dan kawasan setinggan yang berhampiran). Saya juga telah terutang budi kepada Encik Ahmad dan Puan Juriah, oleh kerana hampir tiap-tiap hari semasa kajian tersebut dijalankan, saya telah menumpang di rumah mereka.

Akhir sekali saya suka mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua mereka yang telah memberikan pertolongan-pertolongan tertentu secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan lagi kajian ini.

¹ Kampung Mayang adalah merupakan nama samaran sahaja dan ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kebimbangan bagi pihak pengkaji bersabit dengan apa-apa butir yang telah dikemukakan di dalam kajian tersebut.

PENGENALAN

Kajian ini merupakan sebagai salah satu daripada kajian yang telah diselenggarakan oleh Puan Lee Ai Yun, dimana beberapa orang penuntut telah turut serta di dalam pengumpulan data-data. Kajian tersebut adalah sebagai memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Di dalam memenuhi kehendak tersebut, pengkaji telah cuba melihat dan mengkaji aspirasi hidup (secara perbandingan) penduduk-penduduk di kedua kawasan, iaitu Kampung Mayang (kawasan gulungan pertengahan) dan kawasan setinggan (kawasan gulungan bawah).

Kajian ini adalah merupakan sebagai lanjutan daripada usaha dan kajian yang telah disumbangkan oleh Hadley Cantril. Kajian seperti ini adalah penting bagi negara yang sedang membangun seperti Malaysia, untuk membantu kita memahami akan cita-cita, keimbangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk.

KAEDAH KAJIAN

Metode yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data adalah melalui "fieldwork" yang dijalankan selama lebih kurang tiga bulan, dan melalui beberapa cara:

- 1) questionnaires (soal selidik)
- 2) Temuramah
- 3) Penyertaan dan pemerhatian
- 4) Library Research

Oleh kerana kajian ini merupakan sebahagian daripada kajian yang dikendalikan oleh Puan Lee Ai Yun, maka semua pengkaji dibawah naungan beliau telah menggunakan "questionnaires" yang sama dan yang telah juga disediakan oleh beliau.

Metode yang banyak sekali menghasilkan data-data dan maklumat-maklumat penting dalam kajian-kajian ini ialah metode temuramah berdasarkan soal selidik. Temuramah itu telah dijalankan kepada beberapa orang ketua rumah di kedua-dua kawasan (Kampung Mayang dan kawasan setinggan). Bentuk-bentuk soalan yang digunakan oleh pengkaji adalah bercorek "fixed alternative question" atau "closed question" dan juga "open-ended question" (C. Sellitz, Marie Jahoda, M Deutsch, S.W. Cook; 1951). "Fixed alternative question" yang dimaksudkan adalah di mana responden¹ hanya dikehendaki menjawab sama ada "YA" atau "TIDAK" atau memilih salah satu daripada jawapan-jawapan yang telah pun disediakan. Dalam "open-ended question" pula, responden adalah bebas untuk memberi pendapat dan menjawab dengan apa yang dapat difahamkannya daripada soalan-soalan tersebut.

Apa yang telah mendorongkan pengkaji untuk menjalankan metode soal-selidik ini adalah apabila data-data tidak boleh diperolehi untuk diperhatikan. Ini termasuklah perlakuan atau aktibiti yang silam, soal-soal peribadi, pandangan atau pendapatnya, tentang satu-satu perkara dan sebagainya.

¹ Responden adalah mereka yang telah memberikan butir-butir, keterangan-keterangan atau data-data yang diperlukan.

Data-data, maklumat-maklumat serta kenyataan-kenyataan di dalam kajian ini diperolehi juga melalui kaedah "temuduga" antara pengkaji dengan responden-responden (c.n. Mitchell 1968). Pengkaji telah bertemu ramah dengan beberapa orang penduduk di kedua kawasan kajian ini. Temuramah ini dilakukan dengan cara formal atau tidak formal. Secara formal, pengkaji telah menemuduga penghulu dan ketua kampung untuk mendapatkan butir-butir berkenaan hubungan sosial, cara hidup dan nilai-nilai mereka. Gulungan ini ditemuduga untuk meninjau pendapat serta pengalaman mereka mengenai tugas, peranan dan fungsi yang dilakukan dan juga hal-hal kampung amnya. Gulungan kedua yang telah ditemuduga adalah gulungan penduduk-penduduk biasa di Kampung ini, yang tinggal sama ada secara tetap atau hanya untuk sementara sahaja.

Satu daripada faedah yang boleh didapati daripada metode temuduga ini ialah di mana soalan-soalannya boleh diulang-ulang atau pengkaji boleh menerangkan kepada responden-responden sehingga mereka faham akan maksud soalan-soalan yang dikemukakan itu.

Cara pemerhatian dan penyertaan (participant observation) digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan soal sikap, nilai, tingkah laku dan aktibiliti-aktibiliti yang dijalankan oleh penduduk-penduduk di kawasan kajian. Pernah pengkaji menyertai istiadat kenduri kahwin yang diadakan di kawasan ini (Kampung Mayang). Melalui penyertaan, secara tidak langsung dapat pengkaji membuat tanggapan tentang aspek hidup penduduk-penduduk di sini, yang mana mereka enggan menceritakannya dengan berterus terang. Soal cara hidup mereka

adalah lebih mudah difahami dengan melihat sendiri daripada bertanya pada mereka.

Disamping menggunakan metode-metode yang telah disebutkan di atas, pengkaji juga telah membuat "library Research". Ini adalah dengan membaca buku-buku yang ada kaitannya dengan tajuk kajian pengkaji; untuk menambahkan lagi bahan-bahan rujukan dan membantu pengkaji dalam penulisan tersebut.

MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI

Beberapa kesulitan telah timbul semasa menjalankan kajian ini. Perkara begini adalah biasa terdapat apabila satu-satu kajian masyarakat dilakukan. Pihak yang dikaji misalnya mungkin tidak memberi maklumat-maklumat yang jujur atau yang jelas dan ini mungkin kerana takut, risau, tidak ada masa atau mungkin kerana mereka sengaja tidak mahu bekerjasama.

Kerap kali terdapat bahawa responden-responden tidak menepati soalan-soalan; corak jawapan dan pendapat yang diberikan oleh mereka biasanya "uniform" sahaja. Contohnya, bila ditanya samaada mereka faham tentang konsep-konsep yang diberikan, kebanyakannya menyatakan tidak, pada hal setengah daripada mereka faham, tetapi takut untuk mengeluarkan pendapat.

Penduduk-penduduk di kawasan Kampung Mayang kebanyakannya daripada mereka terdiri daripada kekitangan-kakitangan kerajaan dan berkelulusan lebih tinggi. Dengan itu, masalah tidak timbul dalam memahami soalan-soalan tetapi malangnya tidak semua daripada mereka yang mahu bekerjasama untuk tujuan pengkaji tersebut.

Satu lagi masaalah yang dihadapi adalah masaalah "accessibility", sungguhpun ia melibatkan segulungan kecil sahaja. Ini adalah terdiri daripada gulungan yang telah dijanjikan pertemuannya tetapi masih tidak hadir dan telah selalu menangguh-nangguhkan masa atau memberi alasan-alasan atas ketidak hadiran mereka pada masa-masa yang telah dijanjikan. Masaalah ini terdapat di kalangan kedua-dua kawasan kajian.

Masaalah lain pula ialah yang berkaitan dengan penyelewangan topik yang sepatutnya diperbincangkan. Ada diantara responden-responden yang berbual hingga terkeluar jauh daripada apa yang diperlukan. Dengan itu, masa yang diambil untuk tiap-tiap responden adalah lebih dari yang dijangkakan dan ini telah melibatkan kurangnya bilangan responden yang dapat ditemuduga.

Ada pula diantara responden-responden yang enggan memberi pendapat kerana takut jika "questionnaires" ini akan diserahkan kepada pehak-pehak tertentu. Ini jelas daripada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh mereka; dan dengan itu mereka enggan memberi pendapat atau pandangan yang memuaskan. Masaalah ini terutamanya terdapat di kalangan penduduk-penduduk kawasan setinggan. Mereka sentiasa mengesyakki kedatangan pengkaji sebagai "agent" daripada pehak kerajaan untuk menyiasat tentang keadaan tempat tinggal mereka. Dengan itu pengkaji terpaksa berulang kali memberitahu akan tujuannya yang sebenar dan menunjukkan dokumen-dokumen yang telah dibawa bersama untuk dijadikan sebagai bukti (daripada Jabatan Antropologi dan Sosiologi).

BAB PERTAMA

KOMMUNITI

LATAR BELAKANG KAWASAN-KAWASAN KAJIAN

KAMPUNG MAYANG

Kampung Mayang letaknya lebih kurang lima batu daripada bandar raya Kuala Lumpur, merupakan sebuah kawasan perumahan yang dulunya hanya sebuah kawasan lombong bijih. Kesemua penduduk-penduduk adalah terdiri daripada berbagai-bagai tempat. Hanya sebilangan kecil sahaja yang betul-betul berasal daripada tempat ini. Boleh dikatakan, $\frac{2}{3}$ daripada mereka adalah berasal daripada tempat-tempat lain, seperti Perak, Kelantan, Pulau Pinang dan sebagainya.

Tidak jauh daripada tempat kajian, terdapat bandar Mayang yang dapat menampung keperluan hari-hari penduduk-penduduk di situ seperti kedai barang-barang untuk keperluan hari-hari, kedai-kedai kain, kedai-kedai alat rumah dan sebagainya. Disamping itu, sebuah Wakil Pos dan sebuah balai polis juga telah disediakan.

KAMPUNG MAYANG HARI INI (secara am)

Kampung Mayang ini merupakan kawasan dimana penduduk-penduduknya terdiri daripada mereka yang berpendapatan agak tinggi, jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kawasan setinggan. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk disini tinggal di rumah kepunyaan mereka sendiri dan hanya sebilangan

kecil sahaja yang menyewa atau menumpang rumah-rumah saudaramara mereka.

Kawasan ini tidaklah dikhaskan hanya kepada mereka yang berpendapatan tinggi sahaja tetapi juga kepada orang-orang yang berpendapatan rendah dan mempunyai taraf kehidupan yang sederhana. Walau bagaimanapun, kehidupan mereka adalah lebih terjamin daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan kerana kebanyakannya daripada mereka mempunyai tanah dan rumah sendiri.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI KAMPUNG MAYANG

Kampung Mayang ini boleh dikatakan lengkap dengan kemudahan-kemudahannya dan dengan itu masing-masing tidak timbul berkaitan dengan perkara tersebut. Penduduk-penduduk disini mempunyai segala alat-alat kemudahan yang diperlukan seperti sekolah, masjid, padang dan sebagainya.

Sekolah merupakan satu daripada pusat-pusat pengajian dimana kanak-kanak memperolehi ilmu pengetahuan dan di kawasan ini sebuah sekolah telah di dirikan terutama bagi mereka yang tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah di ibukota. Murid-murid di sekolah tersebut bukan sahaja berasal daripada kawasan ini (Kampung Mayang) tetapi juga daripada kawasan-kawasan lain yang berhampiran.

Dicsamping sekolah rendah (Kebangsaan) ini, terdapat juga beberapa TADIKA (Taman Didikan Kanak-kanak) dan ini adalah dibawah naungan badan-badan sukarela atau persatuan-persatuan belia di situ. Kanak-kanak tersebut

diberi didikan untuk persediaan sebelum memasuki sekolah dan mereka dikenakan bayaran yang sangat rendah atau tidak dikenakan bayaran langsung.

Boleh dikatakan penduduk-penduduk disini agak aktif dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan dimana di tempat-tempat ini mereka berpeluang berkumpul, memberi pendapat atau mengeluarkan segala masalah-masalah yang dihadapi mereka. Diantara pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan yang terdapat di sini termasuklah "Persatuan Belia", "Perkumpulan Perempuan" dan "Persatuan UMNO".

Oleh kerana kawasan ini merupakan kawasan orang-orang Melayu (Islam), sebuah masjid telah didirikan oleh kerajaan untuk keperluan penduduk-penduduk di situ. Di masjid ini juga seringkali diadakan syarahan-syarahan ugama, kenduri-kendara (untuk tujuan ugama) dan juga tempat kanak-kanak belajar membaca koran atau belajar ugama.

LATAR BELAKANG PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG

Diantara kedua kawasan kajian, penduduk-penduduk di sini mempunyai taraf pelajaran yang lebih tinggi dan tidak ada seorang pun diantara mereka yang tidak pernah bersekolah langsung atau yang buta huruf. Pendidikan yang paling rendah dicapai oleh mereka adalah setakat sekolah rendah (8%), tetapi kebanyakan daripada mereka telah mendapat pendidikan hingga ke peringkat sekolah menengah. Terdapat pula diantara mereka yang berkelulusan hingga ke peringkat universiti.

Sila lihat jadual di bawah:-

JADUAL 1

TINGKAT PENCAPAIAN	BILANGAN FAMILI
Tidak bersekolah	-
Sekolah rendah	2
Sekolah ugama	-
Sekolah menengah	12
H.S.C./Maktab	5
Universiti	6
Jumlah	25

TINGKAT PERCAPAIAN YANG PALING TINGGI OLEH PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG

Penduduk-penduduk disini kebanyakannya mendapat pendidikan sekolah Melayu dan Inggeris, dan dari jumlah 25 orang yang ditemuduga, 17 daripada mereka mempunyai kelulusan tersebut. Ini bermakna mereka dapat memahami kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris dengan mudah.

PENDAPATAN DAN PEKERJAAN

Pendapatan penduduk-penduduk di kawasan ini agak tetap. Ini memandangkan pada jenis pekerjaan mereka dimana sebahagian besar daripada mereka adalah kakitangan kerajaan. Disamping pekerjaan yang tetap itu, ada juga diantara mereka yang mengerjakan tugas-tugas lain untuk menambahkan lagi

pendapatan mereka. Jadual pendapatan berikut adalah diperolehi daripada 25 orang responden daripada kawasan tersebut.

JADUAL 2

JUMLAH PENDAPATAN (\$)	BILANGAN FAMILI
401 - 500	7
501 - 600	2
601 - 700	3
701 - 800	1
801 - 900	2
901 - 1000	1
Lebih daripada 1000	9
JUMLAH	25

PENDAPATAN BULANAN BAGI 25 ORANG
PENDUDUK-PENDUDUK DARIPADA KAMPUNG MAYANG

Sungguhpun data-data ini tidak merangkumi kesemua penduduk-penduduk yang tinggal di sini, ia masih boleh dianggap sebagai data yang mewakili kawasan ini. Ini adalah dipandangkan daripada segi pemilihan responden-responden, iaitu daripada mereka yang berjawatan sederhana hingga ke pegawai-pegawai tinggi. Juga semasa menjalankan kajian ini, pemilihan responden-responden adalah secara berselerak dan tidak tertumpu pada suatu kelompok rumah sahaja. Ini akan memberi gambaran yang agak menyeluruh dan tidak terlalu "concentrated".

Jika dibahagi -bahagikan jenis pekerjaan penduduk-penduduk di kawasan ini secara amnya ia adalah seperti berikut:-

JADUAL 3

JENIS-JENIS PEKERJAAN	BILANGAN FAMILI
Buruh	-
Polis/tentera	6
Berniaga	-
Pegawai: 1) tadbir dan diplomat	3
2) Kerani	3
3) Tentera	3
4) Kastam	1
5) Lain-lain	2
Tidak bekerja/bersara	2
Lain-lain	5
Jumlah	25

JENIS-JENIS PEKERJAAN PENDUDUK-PENDUDUK
KAMPUNG MAYANG

KESETABILAN EKONOMI

Kedudukan ekonomi bagi penduduk-penduduk di sini adalah agak teguh dan terjamin. Ini adalah disebabkan oleh pendapatan mereka yang tetap, yang diperolehi mereka. Hampir kesemua daripada mereka mempunyai tanah dan rumah sendiri dan dengan itu, masaalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan tidak dirasai mereka.

Bilangan tanggungan seperti belanja untuk pelajaran, makan-minum, pakaian, kesihatan dan sebagainya, secara tidak langsung mempengaruhi kedudukan

ekonomi mereka. Mereka yang berpendapatan kecil ditambah pula dengan bilangan anak yang ramai akan mempunyai tanggungjawab yang lebih berat jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai bilangan anak yang tidak ramai. Berkaitan dengan bilangan anak dalam satu-satu famili, tidak terdapat perbezaan yang besar diantara kedua-dua kawasan kajian. Ini dapat dilihat dari jadual yang berikutnya.

JADUAL 4

BILANGAN ANAK	0 - 2	3 - 5	6 - 8	9 - 11	JUMLAH
Kampung Mayang	12	8	4	1	25
Kawasan Setinggan	6	12	5	2	25

Dari jadual di atas didapati bahawa bilangan anak penduduk-penduduk di kedua kawasan adalah sederhana dan tidak terlalu ramai. Ini bermakna tanggungan penduduk-penduduk Kampung Mayang tidaklah begitu berat jika dipandang dari jumlah pendapatan yang diperolehi mereka (sila lihat "Jadual pendapatan mereka di muka surat 5").

PERKEMBANGAN PARTI POLITIK DI KAMPUNG MAYANG

Parti politik yang paling popular di kalangan penduduk-penduduk di sini ialah parti UMNO dan pertubuhan atau perkembangan parti tersebut adalah seperti berikut.

Pada tahun 1948 - 1951, penduduk-penduduk di sini telah membuat rayuan untuk mendapatkan tanah untuk dijadikan kawasan perumahan. Rayuan tersebut telah mengambil masa yang panjang dan beberapa rayuan telah dihantar kepada pihak yang berkenaan untuk mendapatkan persetujuan tersebut. Ini adalah disebabkan oleh ketiadaan badan-badan tertentu yang boleh menghubungkan secara langsung antara mereka dengan pihak-pihak yang berkuasa. Atas kesedaran ini mereka telah menujuhkan sebuah persatuan politik yang terdiri daripada 55 orang anggota dan beberapa orang diantara mereka telah dilantik sebagai pengurus, bendahari, setiausaha dan sebagainya.

Dengan tertubuhnya parti UMNO ini, barulah mereka memperolehi kawasan ini (1960) dan dapat kita katakan bahawa tumbuhnya parti politik di sini adalah untuk mendapatkan tanah daripada pihak kerajaan untuk dijadikan kawasan perumahan.

Kemudian pada tahun 1962 mereka mendapat tanah yang mereka perolehi dengan bantuan kerajaan. Tanah ini adalah seluas kira-kira 300 ekar yang dibangunkan oleh kerajaan. Pihak kerajaan telah memberi mereka dana untuk membina rumah-rumah.

Banyak bangunan yang dibina dalam tahap awal yang diketahui di tanah kerajaan (tempat berasmi tanah) tanpa maklumat pemohonan dengan jelas.

LATAR BELAKANG KAWASAN SETINGGAN

Kawasan setinggan ini letaknya tidak jauh daripada Kampung Mayang dan juga merupakan sebagai salah sebuah kawasan setinggan yang terdapat di Kuala Lumpur. Sebagaimana juga kawasan setinggan yang lain, ia merupakan kawasan penduduk-penduduk berpendapatan rendah dan yang tidak mampu untuk membina rumah di tanah kepunyaan mereka sendiri. Dengan itu untuk membolehkan mereka bekerja dan tinggal di Kuala Lumpur ini, sebuah rumah di kawasan tersebut terpaksa didirikan oleh mereka.

Sebelum dijadikan kawasan perumahan, kawasan ini merupakan kawasan yang terbiasar dan tidak didiami oleh sesiapa. Tetapi, "rumah-rumah haram"¹ tersebut mula didirikan semata-mata kerana terdesak untuk mendapatkan suatu kawasan yang selaras dengan pendapatan dan kemampuan mereka.

KEADAAN KAWASAN SETINGGAN SECARA RINGKAS

Kawasan ini merupakan kawasan yang terdiri daripada orang-orang berbangsa Melayu yang berasal daripada kawasan-kawasan yang berlainan. Jumlah penduduk adalah lebih kurang 300 orang sungguhpun ada kemungkinan akan bertambah lagi, jika tindakan lebih keras tidak diambil oleh pihak yang berkenaan.

¹Rumah haram yang dimaksudkan ialah rumah yang didirikan di tanah kerajaan (biasanya kawasan bandar) tanpa mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan.

Boleh dikatakan bentuk rumah-rumah di kawasan ini adalah amat sederhana dan boleh dikatakan 100% daripadanya adalah terdiri daripada "rumah-rumah papan". Disebabkan oleh penduduk-penduduk yang terlalu ramai, maka jarak diantara satu rumah dengan yang lainnya adalah terlalu rapat dan tidak sesuai jika dihitung dari segi kesihatan.

Jika dibandingkan dengan Kampung Mayang, penduduk-penduduk di kawasan ini terpaksa menghadapi beberapa masalah berkaitan dengan kemudahan-kemudahan seperti bekalan api, air, masjid, sekolah dan sebagainya. Dengan itu, mereka terpaksa misalnya menggunakan lampu minyak tanah untuk menggantikan bekalan elektrik dan menggunakan perigi atau kolam untuk keperluan hari-hari mereka - mandi, minum, membasuh dan sebagainya. Kanak-kanak di sini pula menerima didikan formal di sekolah Kampung Mayang atau di sekolah-sekolah yang terdapat di bandar raya sendiri.

PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN

Penduduk-penduduk disini kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja buruh kasar dan hanya sebilangan kecil sahaja yang berpendapatan lebih daripada \$300.00 sebulan. Kebanyakan daripada mereka berpendapatan diantara \$101.00 - \$200.00 sahaja dan ada pula yang dibayar gaji hari-hari (paid daily), atau seminggu sekali. Oleh kerana pendapatan mereka terlalu rendah, maka mereka terpaksa melakukan pekerjaan-pekerjaan lain seperti berniaga atau membuat sebarang pekerjaan lain yang boleh menampung keperluan mereka. Jadual jumlah pendapatan

dan jenis pekerjaan penduduk-penduduk di sini dapat dilihat di bawah ini:

JADUAL 5

PENDAPATAN BULANAN (\$)	BILANGAN FAMILI	PERATUS
51 - 100	1	4
101 - 200	16	40
201 - 300	12	48
301 - 400	2	8
Jumlah	25	100

Pendapatan Bulanan Penduduk-Penduduk Kawasan Setinggan

JADUAL 6

JENIS PEKERJAAN	BILANGAN FAMILI	PERATUS
Buruh	19	76
Polis/tentera	3	12
Berniaga	2	8
Pegawai	-	-
Tidak Bekerja/bersara	-	-
Lain-lain	1	4
Jumlah	25	100

Jenis-Jenis Pekerjaan penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Tingkat yang paling tinggi dicapai oleh penduduk-penduduk di sini ialah setakat sekolah menengah (bawahan) dan tidak seorang pun diantara mereka yang mencapai hingga ke peringkat H.S.C. atau ke peringkat universiti. Paling ramai adalah yang hanya menerima didikan sekolah rendah dan 76% daripada responden-responden adalah dibawah "category" tersebut. Kebanyakan daripada mereka mendapat didikan dalam bahasa Melayu, sungguhpun terdapat 4 daripada 25 orang telah menerima didikan dalam bahasa Inggeris.

JADUAL 7

TINGKAT PENCAPAIAN	BILANGAN FAMILI	PERATUS
Tidak bersekolah	-	-
Sekolah Rendah	19	76
Sekolah Ugama	1	4
Sekolah Menengah	5	26
H.S.C./Maktab	-	-
Universiti	-	-
Jumlah	25	100

Tingkat pencapaian yang paling tertinggi oleh Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

PERKENALAN KEPADA KEADAAN PENDUDUK-PENDUDUK
KAMPUNG MAYANG DAN RAYA SETINGGAN

JADUAL 8

ALIRAN/PERANTARAAN	BILANGAN FAMILI	PERATUS
Melayu	18	72
Inggeris	4	16
Cina	-	-
Tamil	-	-
Melayu dan Inggeris	3	12
Tidak bersekolah	-	-
Jumlah	25	100

Jenis aliran/perantaraan penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Seperti penduduk-penduduk Kampung Mayang, penduduk-penduduk kawasan setinggan juga turut mengambil bahagian di dalam aktifiti-aktifiti yang terdapat di tempat mereka seperti Syarikat Kerjasama yang dapat memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan mereka seperti pinjaman faedah simpanan dan sebagainya; parti politik, persatuan-persatuan belia dan sebagainya.

Untuk yang berpendapatan tinggi dan bukan kerana daripada orang yang tinggal di kawasan setinggan. Secara amnya, hasil pendapatan penduduk-penduduk di kawasan Kampung Mayang adalah diatas \$400.00 hingga \$1,000.00 ke atas, manakala pendapatan masyarakat berada di bawah setengah puluh ratus seratus ringgit - \$400.00 ke bawah. Majoriti penduduk yang berada di kawasan kampung adalah orang yang berkenaan dengan

PERBANDINGAN ANTARA KEADAAN PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG DAN KAWASAN SETINGGAN

Kampung Mayang dan kawasan setinggan jika dilihat secara perbandingan, mempunyai beberapa aspek yang berlainan - bentuk rumah, kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan moden seperti air dan api dan sebagainya. Penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan juga mempunyai taraf kehidupan dan "way of life" yang berlainan.

Sungguhpun kedua-dua kawasan tersebut letaknya sangat berhampiran antara satu dengan lain, tetapi kedua-duanya mempunyai latarbelakang dan sejarah yang berlainan. Kawasan setinggan ini dipisahkan dari Kampung Mayang hanya beberapa elai sahaja dan diantara kedua-dua kawasan ini terdapat perhubungan yang rapat. Sebagai contoh, penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini misalnya kerap kali menghadiri sebarang jenis perjumpaan dan keramaian yang diadakan oleh penduduk-penduduk di Kampung Mayang.

Jika ditinjau dari segi pendapatan penduduk-penduduk di kedua kawasan, didapati bahawa penduduk-penduduk Kampung Mayang merupakan mereka yang berpendapatan tinggi dan ini adalah berbeza daripada mereka yang tinggal di kawasan setinggan. Secara amnya, kadar pendapatan penduduk-penduduk daripada Kampung Mayang adalah diantara \$400.00 hingga \$1,000.00 ke atas, manakala pendapatan mereka yang berasal daripada kawasan setinggan pula adalah terlalu rendah - \$400.00 ke bawah. Kadar pendapatan yang berbeza ini membawa kepada corak hidup yang berbeza. Mereka yang berpendapatan tinggi,

sudah tentu menikmati kemewahan hidup, manakala yang berpendapatan rendah pula sentiasa di dalam serba kekurangan dan dengan itu terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah.

Jika dikaji secara perbandingan, jadual pendapatan bagi kedua-dua kawasan kajian adalah seperti berikut:-

JADUAL 9

PENDAPATAN BULANAN (\$)	KAMPUNG MAYANG		KAWASAN SETINGGAN	
	BILANGAN FAMILI	PERATUS	BILANGAN FAMILI	PERATUS
51 - 100	-	-	1	4
101 - 200	-	-	10	40
201 - 300	-	-	12	48
301 - 400	-	-	2	8
401 - 500	7	28	-	-
501 - 600	2	8	-	-
601 - 700	3	12	-	-
701 - 800	1	4	-	-
801 - 900	2	8	-	-
901 - 1,000	1	4	-	-
Lebih daripada 1,000	9	36	-	-
Jumlah	25	100	25	100

Pendapatan Bulanan Bagi 25 orang Penduduk-Penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang.

Sungguhpun pendapatan penduduk-penduduk Kampung Mayang agak lumayan dan tetap, jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk kawasan setinggan, tetapi kita juga harus ingat bahawa terdapat faktur-faktur lain yang boleh menimbulkan masalah kepada mereka. Diantara faktur-faktur tersebut ialah bilangan tanggungan yang boleh melibatkan aspek-aspek Ekonomi, seperti perbelanjaan hari-hari atau aspek sosial seperti perbelanjaan untuk pelajaran dan pendidikan. Ramai diantara anak-anak mereka yang telah berjaya mencapai ke peringkat pelajaran yang tinggi (samaada di pusat pengajian di dalam atau di luar negeri); dan ini menambahkan lagi tanggungan mereka untuk tujuan tersebut.

Dari segi pekerjaan pula, terdapat berbezaan yang nyata diantara kedua-dua penduduk kawasan kajian dan jadual berikutnya memperlihatkan perbezaan tersebut.

JADUAL 10

JENIS PEKERJAAN	KAMPUNG MAYANG		KAWASAN SETINGGAN	
	Bilangan Famili	Peratus	Bilangan Famili	Peratus
Buruh	-	-	19	76
Polis/tentera	6	24	3	12
Berniaga	-	-	2	8
Pegawai: 1) tadbir & diplomat	3	12	-	-
2) Kerani	3	12	-	-
3) Tentera	3	12	-	-
4) Kastam	1	4	-	-
5) Lain-lain	2	8	-	-
Tidak bekerja/bersara	2	8	-	-
Lain-lain	5	20	1	4
Jumlah	25	100	25	100

Berkaitan dengan tingkat pencapaian, kita dapat bahawa penduduk-penduduk daripada kawasan setinggan mempunyai taraf pelajaran yang rendah, manakala mereka yang berasal daripada Kampung Mayang pula terdapat beberapa orang daripada mereka yang berjaya mencapai hingga ke peringkat Universiti (24%). Kebanyakan daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan mendapat didikan sekolah rendah aliran Melayu (76%) manakala mereka daripada Kampung Mayang pula kebanyakannya menerima pendidikan tinggi aliran Melayu dan Inggeris). Perbezaan yang jelas dapat dilihat daripada jadual yang berikut:-

JADUAL 11

TINGKAT PERCPAIAIN	KAMPUNG MAYANG		KAWASAN SETINGGAN	
	Bilangan Famili	Peratus	Bilangan Famili	Peratus
Tidak bersekolah	-	-	-	-
Sekolah Rendah	2	8	19	76
Sekolah Ugama	-	-	1	4
Sekolah Menengah	12	48	5	20
H.S.C./Maktab	5	20	-	-
Universiti	6	24	-	-
Jumlah	25	100	25	100

Tingkat pencapaian yang paling tinggi oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang

JADUAL 12

ALIRAN/PERANTARAN	KAMPUNG MAYANG		KAWASAN SETINGGAN	
	Bilangan Famili	Peratus	Bilangan Famili	Peratus
Melayu	4	16	18	72
Inggeris	10	40	4	16
Cina	-	-	-	-
Tamil	-	-	-	-
Melayu dan Inggeris	11	44	3	12
Tidak Bersekolah	-	-	-	-
Jumlah	25	100	25	100

Jenis perantaran penduduk-penduduk Kampung Mayang dan Kawasan Setinggan

Dari segi kelengkapan-kelengkapan seperti air "paip", api letrik, sekolah, balairaya dan sebagainya semuanya boleh diperolehi di Kampung Mayang, tetapi tidak terdapat di kawasan setinggan. Dengan itu penduduk-penduduk di kawasan setinggan terpaksa misalnya menggunakan air perigi untuk keperluan hari-hari mereka - mandi, minum dan sebagainya.

Penduduk-penduduk daripada kedua kawasan ini mempunyai persatuan-persatuan seperti Pergerakan belia, Syarikat Kerjasama, Persatuan Ibu Bapa, Perkumpulan Wanita dan lain-lain lagi yang masing-masingnya mempunyai tujuan-tujuan tertentu.

BAB KEDUA

ASPIRASI SECARA AM

PENGERTIAN ASPIRASI

Apabila kita cuba memberi pengertian konsep aspirasi, iaitu tentang apa yang dicita-cita dan diharap-harapkan seseorang, kerap kali kita akan dikelirukan dengan konsep "motivation" (Kuasa pendorong). Bagi satu-satu peringkat aspirasi, seseorang individu itu perlu mempunyai kuasa pendorong kerana tanpanya, maka peringkat aspirasi seseorang individu itu akan menjadi terlalu rendah atau mungkin tidak ada langsung.

Sebagaimana yang telah dikatakan oleh Cantril dalam bukunya "Patterns of Human Concerns"¹ kepuasan atau "satisfaction" seseorang individu itu bergantung pada nilai yang dipegangnya. Jika ia mempunyai bentuk "nilai" yang rendah, maka tingkat kepuasannya juga turut rendah dan begitu juga corak aspirasi yang diperolehi daripadanya. Jika bentuk keinginannya adalah kompleks, maka motif dan aspirasinya juga akan turut berbentuk demikian.

Bentuk dan corak kehidupan seseorang itu akan mempengaruhi bentuk aspirasinya. Ini termasuklah keadaan sekitarnya, pengalaman, peringkat pengetahuan dan sebagainya. Daripada kenyataan di atas, dapat kita lihat di dalam bab-bab sebelumnya bahawa penduduk-penduduk kawasan setinggan yang mempunyai corak

¹ Hadley Cantril - "Patterns of Human Concerns" - New Brunswick, New Jersey Rutgers "U" Press (1965)

kehidupan yang rendah dan merusut jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di Kampung Mayang, mempunyai aspirasi yang rendah sekali dan kadang-kadang tidak mempunyai aspirasi langsung terutamanya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kedudukan atau keadaan negara. Ketidaaan aspirasi itu adalah kerana tiadanya kuasa pendorong yang membolehkan mereka mempunyai aspirasi yang tinggi. Satu daripada faktumnya adalah kerana mereka memandang bahawa kehidupan mereka adalah terdesak sekali dan memandang kehadapan dengan penuh kecemasan dan keraguan. Mereka tidak menaruh keyakinan tentang keadaan kehidupan yang dialami sekarang, masa lalu atau masa hadapan. Oleh kerana kehidupan mereka adalah sedemikian rupa, maka mereka lebih mengutamakan kehidupan mereka iaitu mereka lebih menitik beratkan tentang bagaimana mereka akan boleh menambahkan pendapatan dan membaiki keadaan hidup mereka. Ini telah dikatakan oleh Karl Marx dan Lenin seperti berikut:

"..... If people are pushed down by poverty they cannot be expected to show much interest in anything except their daily bread. What a person regards as a minimum standard of living in his own terms is presumably regarded before other interests and concerns can unfold and blossom forth"².

Frank dalam sebuah artikel "Level of Aspiration and adaptation level"³ mendefinisikan level of aspiration atau peringkat aspirasi sebagai:

² Hadley Cantril, "Patterns of Human Concerns", op. cit. m.s. 224-225

³ Harry Nelson, "Adaptation level Theory" - an experimental and Systematic approach to Behaviour" N.Y. Harper and Row (1964) m.s. 395.

"Level of future performance in a familiar task which an individual knowing his level of past performance in that task, explicitly undertakes to reach".

Dengan itu Frank telah mengatakan bahawa peringkat aspirasi itu sebagai tingkat yang ingin dicapainya di masa hadapan, setelah mengetahui peringkat yang telah dicapainya di masa-masa yang lalu.

Sebaliknya Lewin, Dumbo, Festinger dan Sears, lebih suka memberikan definisi yang bercorak "operational"⁴ dan contoh yang diberikannya mengandungi perkara-perkara yang mempengaruhi "behaviour involving level aspiration" seperti "setting of a goal", relative success or failure" dan juga "expectation on desire for future performance". Lain-lain faktur yang dinyatakan mereka dalam menentukan peringkat aspirasi adalah seperti "social norms", difficulty of task", effects of performance", "situational factors"; seperti kejayaan dan kegagalan; latar belakang sosio ekonomi, perbezaan-perbezaan antara satu individu dengan yang lain-dan sebagainya.⁵

Lain-lain definisi yang diberikan adalah seperti yang terdapat daripada kamus "A Comprehension Dictionary - of Psychological and Psychoanalytical terms"⁶ memberikan definisi itu sebagai "Satu keinginan yang cuba diperolehinya, kecapaian nilai yang lebih tinggi seperti "ideals", "religious experience" dan lain-lain.

⁴ Harry Nelson, "Adaptation Level Theory - An Experimental and Systematic Approach to behaviour, pp cit. m.s. 395

⁵ Harry Nelson; Ibid; m.s. 400

⁶ Horace B. English; A Comprehensive Dictionary of Psychological and Psychoanalytical terms.

Definisi yang kedua oleh Horace B. English berkaitan dengan "level of aspiration" iaitu ukuran dimana seseorang individu menentukan satu-satu kedudukannya melalui kedudukan yang telah atau sedang dilaluinya. Definisi tersebut adalah seperti berikut:-

"Level of aspiration is defined as the standard by which a person judge his own performance as a success or a failure, or as being up to what he expects of himself".

Bila memperkatakan tentang motivation atau kuasa penggerak, kita adalah mengaitkannya dengan perkara-perkara yang menjadi "harapan" dan "keimbangan" seseorang individu. Seseorang itu misalnya inginkan kuasa, pangkat; ia takutkan dan bimbangkan kejatuhan meruah dirinya atau perkara-perkara yang berkaitan dengan itu.

"Motivation" yang terdapat pada seseorang individu itu dibahagikan kepada 2 jenis; "positif" dan "negatif".⁷ Dengan itu istilah-istilah seperti "kehendak", "keinginan" dan "keperluan" selalunya dikaitkan dengan yang bercorak positif, manakala penggerak yang bersifat negatif pula adalah perkara-perkara yang menarikkan atau menjauhkan seseorang individu itu daripada satu-satu perkara atau keadaan. Penggerak positif itu dikenali juga dengan "approach object" manakala yang negatifnya pula dikenali dengan "avoiding object". Apa yang difikirkan dan dilakukan adalah dipengaruhi oleh "wants" atau keinginan yang terdapat pada seseorang individu itu.

⁷ Krech
Krech - Crutch Field and Ballachey - "Individual In Society;
International Student Edition, McGraw Hill Book Co. Inc. Kogakusha Co.
Ltd. M.S. 69.

"Wants" itu adalah berbeza dari satu individu dengan individu yang lain dan ia juga adalah dipengaruhi oleh beberapa faktur seperti sex, corak pemikiran dan pengalaman dan sebagainya.

Disamping faktur-faktur yang telah disebutkan di atas oleh beberapa orang sarjana berkaitan dengan faktur-faktur yang mempengaruhi tingkat aspirasi seseorang, ada faktur-faktur yang paling penting (mengikut keutamaan), yang turut terlibat:

- (a) Faktur-faktur sosio Ekonomi
 - (i) Latarbelakang penduduk-penduduk
 - (ii) Struktur pekerjaan
- (b) Famili
 - (i) Patrilineal/matriilineal
 - (ii) Kedudukan Ekonomi famili
- (c) Kumpulan peer
- (d) Mass-media
- (e) Kebudayaan
- (f) Alam sekitar

Faktur yang terpenting dalam menentukan aspirasi seseorang, adalah faktur sosio-Ekonomi - yang dibahagikan kepada pendidikan dan pekerjaan. Didapati bahawa mereka yang berpendidikan tinggi mempunyai pandangan yang luas dan dengan itu mempunyai aspirasi yang tinggi terhadap kedua-dua peringkat personal dan nasional.

Faktur sosio-Ekonomi yang berkaitan dengan pekerjaan pula adalah bahawa mereka yang berpendidikan tinggi sudah tentu mempunyai pekerjaan yang lebih tinggi dan berpendapatan lebih lumayan. Dengan itu, mereka yang berpendapatan tinggi yang mempunyai pekerjaan yang stabil misalnya akan mempunyai aspirasi yang lebih tinggi, jika dibandingkan dengan mereka yang sebaliknya.

Berkaitan dengan faktur famili, kita dapat bahawa mereka yang berkecimpungan akan tentu meneruskan pelajaran yang lebih tinggi lagi dan dengan itu sudah tentu kita akan menyangkakan tingkat kelulusan yang lebih tinggi daripada kawasan sebaliknya. Sebagaimana yang telah dinyatakan, mereka yang tingkat pelajarannya adalah tinggi akan memperolehi tingkat aspirasi yang tinggi juga.

Mengenai jenis kekeluargaan, didapati bahawa faktur ini tidak berapa penting dalam menentukan tingkat aspirasi seseorang itu.

Faktur yang ketiga yang turut mempengaruhi aspirasi seseorang adalah "kumpulan peer" iaitu yang didefinisikan sebagai sekumpulan "associates" yang mempunyai umur dan minat yang serupa. Dengan itu, seseorang individu yang kumpulan peermya bersifatkan "peringkat tenaga yang tinggi", "kematangan sosial", dan "organisasi - ego yang effektif" akan mempunyai sikap dan aspirasi yang berkorak demikian rupa juga.

Mass-media memainkan peranan yang sama pentingnya juga dalam pembentukan aspirasi. Mereka yang lebih membaca surat khabar atau menuntuk talivisyen sebagainya, adalah terdedah pada "idea-idea" baru dan dengan itu mempunyai aspirasi yang lebih tinggi daripada yang sebaliknya.

Faktur-faktur lain yang turut mempengaruhi dalam pembentukan aspirasi⁸ seseorang adalah faktor kebudayaan dan alam sekeliling.

PERPINDAHAN RATING

Metode yang telah digunakan untuk mencari kedudukan tangga yang dianggapkan oleh responden-responden adalah dipanggil "self-anchoring striving scale⁸. Kedudukan tangga itu adalah untuk menunjukkan keadaan hidup mereka atau negara di masa yang lalu, sekarang dan akan datang.

Dalam metode tersebut, terdapatnya 10 tangga kesemuanya dan tiap-tiapnya melambangkan keadaan yang tertentu. Tangga yang pertama merupakan tangga yang paling rendah dan yang kesepuluh pula yang paling tinggi. Di tengah-tengah sekali adalah tangga nombor 5 dan kedudukannya ini melambangkan keadaan yang sederhana. Seseorang itu mentafsirkan kedudukannya melalui apa yang dirasakan dan apa yang difikirkannya tentang corak dan bentuk kehidupan yang dialaminya - samaada yang "terbaik" atau "tertinggi" atau yang "terburuk" dan "terbawah" sekali dalam rating tersebut. Secara "diagrammatic" rajah rating tersebut adalah seperti berikut:-

10
9
8
7
6
5
4
3
2
1

⁸ Hadley Cantril - op cit. m.s. 22

Rating ini juga dibahagikan untuk tiga masa yang berlainan dan seseorang itu dikehendaki memberikan tingkatan yang mereka fikirkan yang secukup dengan taraf mereka. Perbezaan yang nyata boleh dilihat dalam tingkatan rating dan perpindahan rating (ladder rating and shift in rating), yang terdapat dijadual berikut, yang memperlihatkan perbandingan tingkatan rating dan perpindahannya di kalangan penduduk-penduduk di India dan Amerika Syarikat.

JADUAL 13

KEDUDUKAN EKONOMI	INDIA	AMERIKA SYARIKAT
PERSONAL		
Dulu	3.4	5.9
Sekarang	3.7	6.6
Akan datang	5.1	7.8
Perpindahan	1.7	1.9
NASIONAL		
Dulu	3.5	6.5
Sekarang	4.9	6.7
Akan datang	6.7	7.4
Perpindahan	3.2	0.9

Daripada jadual di atas nyata sekali bahawa purata kedudukan kedua-dua rating personal dan nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk India adalah amat rendah jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk Amerika. Walaupun bagaimanapun, jika dibandingkan antara kedudukan personal dan nasional penduduk penduduk tersebut (India) didapati bahawa perpindahan rating yang diberikan untuk

negara adalah tinggi sekali (3.2). Perpindahan rating personal dan nasional bagi Amerika pula adalah hampir-hampir sama dan ianya tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu nyata, walaupun mereka bersifat optimistic terhadap kedua-dua kedudukan personal dan nasional.

Dalam hal ini, kita boleh mengambil alih pendapatnya tentang perbezaan antara kedudukan personal dan nasional.

Dengan itu, kita dapat bahawa terdapatnya "sophistication" dan "complexity" daripada penduduk-penduduk yang telah maju jika dibandingkan dengan negara yang belum maju (Cantril m.s. 205 - 223). Cantril juga seterusnya menyatakan "Those who rate themselves in the higher bracket tend to be more concerned about everything, both in terms of their aspirations and their worries, than do people who rate themselves in the lower bracket, except with respect to their own and the nation's Economic problems".⁹

RATING NASIONAL

Berdasarkan maklumat yang diberikan personal perakhirnya di dalam tulangannya bahawa "self-concept involving society" tidak diketahui. Maklumat berikut ini, telah disampaikan oleh yang berasaskan sumber sosiologi dalam penilaian yang menyatakan bahawa: "Ais yang tidak mempunyai minat ke dalam subjek pun, tidak sedar dia ada pada orang yang terlibat sebab. Ranting tersebut dibuktikan kepada tiga buah kalimat yang berkaitan dengan "from others", "I take into" dan "I take, does nothing". Sebenarnya maklumat ini adalah maklumat perakhir-penulisannya yang berasaskan bahawa subjek

⁹ Hadley Cantril, op. cit - m.s. 262

BAB KETIGA

ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN

Dalam bab ini, pengkaji akan cuba memperlihatkan tentang perkara-perkara yang dicita-cita dan yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk daripada kawasan ini dan beliau telah memperolehi pandangan dan pendapat mereka terhadap perkara-perkara tersebut melalui "interview" dan "soal selidik". Penduduk-penduduk tersebut telah membentangkan gambaran kehidupan mereka sendiri dan juga keadaan negara yang telah lalu, yang dialami sekarang dan apa yang mungkin akan dihadapi ^{soalan-soalan} 5 tahun akan datang melalui "rating" dan malam-malam yang telah disediakan.

RATING PERSONAL

Untuk mendapatkan tingkat kedudukan personal penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, "self-anchoring striving scale" telah digunakan. Melalui metode ini, telah didapati rating yang berbeza diantara satu sama lain dalam perkara-perkara yang menyentuh mereka. Ada yang telah menempatkan mereka ke dalam tingkat yang agak tinggi dan ada pula yang terlalu rendah. Rating tersebut dibahagikan kepada jangkamasa 3 peringkat tahun yang berlainan - "masa sekarang", "5 tahun lalu" dan "5 tahun akan datang". Secara hitung panjang, kedudukan personal penduduk-penduduk kawasan setinggan ini telah diperolehi seperti berikut:

JADUAL 14

MASA	RATING
5 tahun lalu	4.16
Sekarang	5.44
5 tahun hadapan	4.96

Jadual di atas menunjukkan dengan jelas akan rating yang rendah yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk tersebut. Ini adalah jika dibandingkan dengan jumlah tingkat rating pada keseluruhannya - sejumlah 10 tingkat. Ini menunjukkan ketidak puasan terhadap kedudukan personal mereka - sekarang, 5 tahun lalu atau 5 tahun akan datang.

Purata rating yang diperolehi dari penduduk-penduduk di sini bagi 5 tahun yang lalu adalah 4.96. Ini adalah terlalu rendah daripada tidak sampai ke peringkat yang tengah (iaitu 5). Tingkatan rating 5 (sebagaimana yang diterangkan dalam bab 2) merupakan suatu kedudukan yang sederhana - tidak begitu senang dan tidak pula terlalu susah. Dengan itu, tingkat kedudukan yang diberikan oleh penduduk-penduduk tersebut melambangkan akan kedudukan Ekonomi mereka yang serba berkurangan itu.

Dari jadual yang sama, kita dapat bahawa "rating sekarang" menunjukkan tingkat yang paling tinggi, jika dibandingkan dengan rating 5 tahun lalu atau 5 tahun akan datang. Walau bagaimanapun, terdapat rating menunjukkan keadaan yang lebih baik bagi rating sekarang, jika dibandingkan dengan 5 tahun lalu. Ini mungkin


antara lain, akibat daripada kedudukan Ekonomi mereka yang lebih baik dan lebih stabil daripada di masa-masa yang lalu. Ini mungkin dari pekerjaan mereka yang tetap, dan dimana semasa tinggal di kampung asal mereka dulu, punca pencarian mereka adalah terlalu terhad dan juga pendapatan yang diperolehi adalah terlalu rendah dan tidak tetap.

Bagi purata sekarang dan 5 tahun akan datang, tingkatan yang diberikan adalah lebih kurang, dan diantara dua masa tersebut, jarak perbezaannya adalah terlalu kecil - 0.48¹. Ini menunjukkan yang mereka agak berasa pessimistik tentang masa depan mereka. Mereka juga kurang yakin bahawa mereka akan dapat mengatasi atau memperbaiki keadaan yang dialami mereka pada masa yang silam dan yang mereka alami sekarang. Diantara faktur-faktur yang menyebabkan mereka berpendapat sedemikian rupa adalah berpunca dari keadaan Ekonomi mereka sendiri - pendapatan yang terlalu rendah tetapi mempunyai tanggungjawab yang banyak.

Kebanyakan daripada penduduk-penduduk di sini berpendapat bahawa walaupun bagaimana kuat sekali pun mereka bekerja, untuk mendapatkan pendapatan yang lebih banyak ini tidak mungkin dapat menjamin masa depan mereka, memandangkan pada keadaan yang ada sekarang ini - makin sehari semakin tinggi "cost of living" negara kita. Beberapa orang daripada responden-responden di sini telah memberitahu pengkaji bahawa mereka dapat yang harga barang-barang pada masa ini

¹ Sila lihat graf Nombor 1 untuk melihat lebih lanjut lagi perbezaan-perbezaan bagi ketiga-tiga masa itu.

TINGKATAN RATING PERSONAL YANG
DIBERIKAN OLEH PENDUDUK-PENDUDUK
KAWASAN SETINGGAN



melambung terlalu tinggi dan ini membuatkan kehidupan mereka makin terdesak. Jika dulu, mereka menyatakan yang mereka boleh membeli barang-barang seperti sabun, ikan bilis, chili dan barang-barang keperluan lain dengan membayar beberapa sen sahaja tetapi nampaknya hari ini, ia merupakan satu perkara yang mustahil. Mereka sebaliknya terpaksa membayar dengan berlipat-lipat ganda dan ada kemungkinan kata mereka yang harga barang-barang ini akan terus meningkat lebih tinggi lagi pada masa-masa akan datang. Dengan itu, kebanyakan daripada mereka, memandang masa depan mereka agak gelap, sungguhpun tingkat kedudukan bagi "5 tahun hadapan" adalah lebih tinggi daripada 5 tahun yang lalu.

Dengan itu, boleh kita katakan bahawa faktor yang menyebabkan seseorang itu meletakkan dirinya ke dalam tingkat kedudukan yang rendah adalah berpunca daripada keadaan Ekonomi mereka sendiri - sempit dan dalam keadaan serba kekurangan.

RATING NEGARA

Setelah melihat rating personal penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, kita akan dapat pula melihat rating nasional yang diberikan oleh mereka. Bagi rating tersebut, kita dapati bahawa ia adalah lebih tinggi, oleh kerana mereka bersikap lebih optimistik, terhadap negara. Ini seperti yang terdapat di dalam jadual yang berikut:

Kemudian dibagi persekutuan-persekutuan di atas sebanyak sembilan buah

bilangan untuk "Year 2000" sebagaimana terdapat dalam maklumat di bawah.

JADUAL 15

MASA	RATING
5 tahun lalu	5.16
Sekarang	6.24
5 tahun hadapan	7.24

Purata Rating Nasional Penduduk-penduduk
Kawasan Setinggan

Daripada jadual di atas, kita dapatkan bahawa penduduk-penduduk di sini telah memberikan tangga kedudukan negara dalam masa 5 tahun hadapan adalah yang paling tinggi (7.24), jika dibandingkan dengan 2 masa yang lainnya - sekarang (6.24) dan 5 tahun lalu (5.16). Sungguhpun bagi rating personal, mereka telah meletakkan tempat mereka ke dalam tingkat yang begitu rendah, tetapi mereka tidak pula meletakkan ke dalam tingkat yang sama bagi negara.

Penduduk-penduduk di sini sedar akan kemajuan yang sedang dan ^{yang} telah berlalu di negara kita; hasil daripada beberapa projek pembangunan yang dilaksanakan di beberapa bahagian di negara kita. Terdapat beberapa orang diantara mereka yang telah menyatakan tentang faedah yang telah dirasai oleh peneroka-peneroka, petani-petani, penduduk-penduduk luar bandar dan sebagainya hasil daripada misalnya penempatan semula penduduk-penduduk, pembinaan beberapa "scheme" perairan (irrigation scheme), pembukaan jalan-jalan raya di kawasan-kawasan yang terpencil, bertambahnya angka "literacy" dan sebagainya.

Kehidupan penduduk-penduduk di sini adalah sempit dan hanya setakat untuk "sara diri" sahaja tetapi mereka menyedari akan kemajuan dan

pembangunan yang diperolehi oleh negara pada keseluruhannya.


Dari jadual di atas juga, boleh didapati bahawa rating negara untuk 5 tahun hadapan (7.20) adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan rating personal untuk masa yang sama - 4.96. Tingkat kedudukan bagi negara yang telah diberikan adalah lebih daripada 5 (tingkat pertengahan) dan ini menunjukkan yang mereka benar-benar memandang kehadapan dengan penuh kegembilangan. Untuk melihat keluk (curve) yang ditunjukkan oleh mereka bagi tingkat kedudukan negara, sila lihat graf Nombor II yang berikut di sebelah.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas lagi terhadap kedua-dua aspirasi personal dan nasional penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, elok jika kita gabungkan kedua-dua keluk yang telah disediakan, digabungkan menjadi satu (super-impose). Ini dapat dilihat seperti rajah Nombor III, yang di sebelah.

Rajah keluk tersebut telah menunjukkan perbezaan diantara kedua-dua keluk, terutamanya dimasa sekarang dan 5 tahun hadapan. Bagi kedudukan rating personal, ia menunjukkan keadaan yang menurun bagi kedua-dua masa - 5 tahun lalu dan 5 tahun akan datang; jika dibandingkan dengan keadaan "sekarang"; manakala kedudukan bagi rating nasional pula, tidak menunjukkan keadaan yang lebih optimistik bagi 5 tahun + akan datang dan dengan itu menunjukkan keluk yang mendatar. Walau bagaimanapun, rating nasional untuk 5 tahun yang lalu adalah lebih rendah daripada masa sekarang dan dengan itu telah menunjukkan keluk yang menurun.


GERAF 2

**TINGKATAN RATING NASIONAL YANG
DIBERIKAN OLEH PENDUDUK-PENDUDUK
KAWASAN SETINGGAN**



TINGKATAN RATING PERSONAL DAN
NASIONAL YANG DIBERIKAN OLEH
PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN
SETINGGAN

KATAN
ING



PERPINDAHAN RATING

Perpindahan rating yang dimaksudkan adalah perubahan yang berlaku di dalam ketiga-tiga jangkamasa yang diberikan (5 tahun lalu, sekarang dan 5 tahun kehadapan) mengikut dua peringkat; iaitu peringkat 5 tahun dahulu ke sekarang dan peringkat sekarang ke 5 tahun akan datang, yang diberikan oleh seseorang responden. Bagi rating personal, peratus yang telah diperolehi untuk kedua-dua peringkat oleh penduduk-penduduk di sini adalah seperti berikut:

JADUAL 16

RATING PERSONAL	PERATUS
5 TAHUN DULU KE SEKARANG	
Sekarang lebih tinggi	68
Tidak ada perubahan	24
Sekarang lebih rendah	8
Tiada jawapan	-
	100
SEKARANG KE 5 TAHUN HADAPAN	
Hadapan lebih tinggi	72
Tidak ada perubahan	8
Hadapan lebih rendah	12
Tiada jawapan	8
	100

Dari jadual di sebelah, kita dapat rumuskan bahawa sejumlah besar daripada penduduk-penduduk daripada kawasan ini (68%) berpendapat bahawa kehidupan sekarang adalah lebih tinggi daripada yang mereka tempuh 5 tahun dulu dan hanya sebilangan kecil sahaja (8%) yang berpendapat bahawa kehidupan mereka sekarang adalah lebih rendah daripada 5 tahun dahulu. Dengan itu, kita dapat bahawa keadaan mereka sekarang adalah sempit tetapi tidaklah sesempit 5 tahun dulu. Mereka yang merasakan tidak ada apa-apa perubahan pada peringkat tersebut adalah 24% dan tidak ada pula diantara mereka yang tidak memberi apa-apa jawapan.

Bagi peringkat 5 tahun akan datang pula, sejumlah besar daripada mereka akan bertambah lebih baik lagi, daripada apa yang sedang dialami mereka sekarang. Peratus bagi mereka yang mengatakan 5 tahun akan datang adalah lebih rendah atau lebih sempit lagi adalah 12 manakala yang berpendapat bahawa akan terdapat keadaan yang sama bagi sekarang dan 5 tahun akan datang adalah 8%. Jumlah responden-responden yang tidak memberi jawapan oleh kerana mereka tidak dapat membuat apa-apa ramalan atau kerana mereka sengaja enggan menjawab adalah 8%.

Bagi rating negara pula, peratus yang telah diperolehi bagi kedua-dua peringkat tersebut adalah seperti berikut:

JADUAL 17

RATING NEGARA	PERATUS
5 TAHUN DULU KE SEKARANG	
Sekarang lebih tinggi	68
Tidak ada perubahan	12
Sekarang lebih rendah	12
Tiada jawapan	8
	100
SEKARANG KE 5 TAHUN HADAPAN	
Hadapan lebih tinggi	68
Tidak ada perubahan	8
Hadapan lebih rendah	16
Tiada jawapan	8
	100

Perpindahan rating negara yang diperolehi
daripada penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Rating negara yang diberikan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan bagi peringkat pertama (5 tahun dulu ke sekarang) menunjukkan bahawa keadaan sekarang adalah lebih murah atau lebih tinggi daripada yang dialami oleh mereka 5 tahun yang lalu. Peratus yang sama (12%) telah diberikan bagi "tidak ada perubahan" dan "sekarang lebih rendah"; manakala mereka yang tidak memberi apa-³⁹⁰apa jawapan pula adalah 4%. Bagi peringkat ini, terdapat seolah-olah persamaan

diantara kedua-dua rating personal dan nasional, dimana sebahagian besar daripada mereka yang menganggap bahawa "sekarang" adalah lebih memuaskan daripada 5 tahun yang dulunya.

Bagi peringkat kedua pula (sekarang ke 5 tahun hadapan), sebilangan besar (68%) daripada responden meramalkan masa hadapan mereka adalah lebih baik daripada yang dialami mereka sekarang ini. Peratus yang memandang masa depan mereka lebih merusut adalah 16, manakala peratus yang sama (8%) telah diberikan oleh mereka bagi "tiada perubahan" dan "tiada jawapan".

Dari jadual di atas, didapati bahawa penduduk-penduduk di sini telah memberi keadaan negara sekarang dan akan datang adalah lebih tinggi dan antara faktur-faktur yang mungkin menyebabkan mereka memberi kedudukan yang sedemikian adalah atas kesedaran mereka tentang segala kemajuan dan projek, pembangunan yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan oleh pihak-pihak kerajaan dan badan swasta. Bagi mereka-mereka yang mensifatkan bahawa kedudukan negara (sekarang 12%) dan masa depan (16%) adalah makin merusut adalah berpunca dari keadaan dimana hampir tiap-tiap harga barang telah naik dengan hebatnya dan juga akibat daripada faktur-faktur yang berkaitan dengan pendapatan mereka.

PERKARA YANG DIHARAPKAN

Tiap-tiap seorang individu atau sesuatu kumpulan penduduk itu cita-cita yang berlainan antara satu sama lain. "A" mungkin menaruh harapan tinggi terhadap kebahagian masa depan anak-anak atau keluarganya, manakala "B" pula mungkin

mengharapkan untuk setakat cukup makan dan minum sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Secara tidak langsung, kita telah pun menyentuh secara sepihak lalu mengenai perkara-perkara yang betul-betul menjadi idaman dan cita-cita penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini. Sekarang, elok jika kita melihatnya lebih mendalam lagi dan juga diterangkan pecahan-pecahan peratus akan perkara-perkara yang diharap-harapkan sangat oleh mereka itu.

JADUAL 18

HARAPAN PERSONAL	PERATUS
Berniaga	16
Taraf Ekonomi lebih tinggi	36
Kejayaan masa depan anak-anak	12
Dapat memiliki tanah sendiri	24
Naik pangkat	4
Tiada jawapan	8
	100

Perkara Personal yang diharapkan oleh Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Dari pecahan-pecahan peratus di atas telah dapat gambaran bahawa apa yang telah menjadi perkara yang diharap-harapkan mereka ialah untuk mencapai taraf kedudukan Ekonomi yang lebih tinggi. Mereka sentiasa berusaha untuk berbuat apa sahaja agar cita-cita mereka itu akan diperolehi mereka. Beberapa orang daripada

responden (lebih daripada 60%) daripada kawasan ini sungguhpun mempunyai satu pekerjaan yang tetap, masih berusaha untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi dengan bekerja "luar" atau mengambil upah mengerjakan sawah orang lain, bercucuk tanam, dimana hasilnya nanti akan mereka gunakan untuk keperluan mereka sendiri atau pun akan dijual di kedai yang berhampiran.

Penduduk-penduduk tersebut benar-benar mengharapkan agar pendapatan mereka akan lebih tinggi lagi memandangkan pada keadaan inflasi² yang terdapat sekarang ini. Dengan berpendapatan rendah, adalah mustahil bagi mereka untuk tinggal di sekitar bandar raya Kuala Lumpur, terutamanya. Walau bagaimanapun, tidak seorang pun daripada mereka yang menyatakan keinginan mereka untuk berpindah semula ke kampung asal mereka kerana mereka sedar bahawa keadaan di sana adalah lebih susah lagi jika dibandingkan dengan tempat tinggal mereka sekarang ini. Di Kuala Lumpur ini sekurang-kurangnya mereka mempunyai pekerjaan yang tetap dan dengan itu memperolehi pendapatan yang agak tetap dan stabil.

Suatu perkara lagi yang menjadi impian dan cita-cita yang penting di kalangan penduduk-penduduk di sini ialah supaya mereka dapat memperolehi tanah, tempat kediaman mereka ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan, penduduk-penduduk di sini telah mendirikan rumah-rumah mereka bukan di tanah kepunyaan mereka sendiri tetapi di tanah kepunyaan kerajaan. Dengan itu, mereka sentiasa risau dan bimbang jika pihak kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mereka. Dari

² Suatu keadaan di mana terdapat kenaikan harga barang-barang akibat permintaan yang melebihi hasil pengeluaran.

Jadual di atas kita dapat bahawa "memiliki tanah sendiri" merupakan harapan kedua besarnya daripada lima jenis harapan yang telah diberikan.

Lain-lain harapan adalah seperti berniaga melihat anak-anak berjaya dimasa depan nanti dan naik pangkat agar dapat hidup lebih mewah lagi daripada masa-masa yang silam dan yang sedang dialami mereka sekarang. Sejumlah 16% bercita-cita untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan dan sejumlah besar diantara mereka yang ingin menumpukan dalam hal perniagaan kecil-kecilan, menjual goring pisang dan kuih muih dan juga membuka kedai gunting sendiri.

Perkara-perkara lain yang telah disebut oleh kurang daripada 4% penduduk-penduduk di sini adalah seperti ingin menunaikan fardhu haji, mendapat kemudahan air dan api, menjadi rakyat yang setia dan berjasa, mati dalam beriman dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, terdapat 8% daripada mereka yang tidak mempunyai sebarang "idea" terhadap harapan dan cita-cita mereka. Ini mungkin kerana sengaja tidak mahu mengemukakan sebarang pendapat atau benar-benar tidak mempunyai kecintaan apa-pula cita-cita langsung terhadap kehidupan mereka.

Bagi harapan untuk negara pula, dapat diberikan pecahan peratusnya seperti berikut:

JADUAL 19

HARAPAN NEGARA	PERATUS
Pembangunan dan Kemajuan Ekonomi	24
Kemajuan dalam kesihatan dan pendidikan	12
Keharmonian antara kaum	16
Keamanan Negara	28
Tiada jawapan	20
	100

Di kalangan penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, 28% daripada mereka mengharapkan agar keamanan negara akan dapat diperkekalkan dan moga-moga akan dijauhkan daripada segala bentuk ancaman, dari luar dan dari dalam negeri. Beberapa orang responden juga telah menyebut agar "peristiwa 13 May" atau apa-apa juga corak "conflict" atau pergisiran kaum tidak akan berulang lagi dan semoga adanya aman damai dan keharmonian di dalam negara kita.

Harapan yang merupakan kedua pentingnya ialah agar negara kita akan lebih maju lagi dalam Ekonominya. Jumlah peratusnya, ialah 24. Mereka juga mengharapkan agar Ekonomi negara ini akan menjadi lebih stabil dan lebih kukuh lagi.

Harapan yang telah diperkatakan juga oleh penduduk-penduduk di kawasan ini adalah supaya adanya kemajuan dalam pendidikan dan kesihatan. Mereka juga sedar betapa pentingnya kedua-dua perkara ini kepada rakyat dan negara secara amnya.

PERKARA YANG DIBIMBANGKAN

Di kalangan penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, antara perkara-perkara yang telah menjadi kebimbangan mereka adalah seperti berikut (dengan pecahan peratusnya sekali).

JADUAL 20

PERKARA PERSONAL YANG DIBIMBANGKAN	PERATUS
Pendidikan anak-anak	12
Masa depan anak-anak, isteri dan diri sendiri	16
Pendapatan dan Pekerjaan	12
Kenaikan harga barang-barang	16
Tanah	44
Tiada Jawapan	-
	100

Perkara Personal yang dibimbangkan oleh Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Jadual di atas menunjukkan bahawa antara perkara-perkara yang menjadi kebimbangan mereka, faktur-faktur tanah merupakan perkara yang paling membimbangkan mereka. Seperti yang telah disebutkan (bahagian harapan personal) masaalah tanah ini benar-benar merunsingkan mereka. Mereka benar-benar bercita-cita agar dapat memiliki tanah tempat mereka tinggal itu. Ia juga merupakan sebagai suatu kebimbangan mereka, kerana mereka sedar bahawa tanah-tanah tersebut akan diambil balik oleh kerajaan pada bila-bila masa juga dan dengan itu mereka tidak akan mempunyai tempat tinggal dan beberapa masaalah lain juga akan timbul berkaitan dengan perkara tersebut.

Perkara-perkara lain yang juga sangat-sangat membimbangkan mereka adalah bersabit dengan keadaan Ekonomi negara kita sekarang di mana harga barang-baran

telah memberi kesan terhadap kehidupan mereka - lebih susah dan sengsara lagi. Mereka juga bimbang akan masa depan anak-anak, isteri dan juga diri mereka sendiri. Mereka risau jika mereka tidak dapat memenuhi kehendak mereka - mahu melihat anak berjaya dan hidup lebih senang daripada mereka. Mereka juga bimbang akan apa yang mungkin berlaku pada diri mereka sendiri dan juga isteri mereka pada masa akan datang. Mereka bimbang jika mereka telah tua nanti, tidak ada seorang pun diantara anak-anak mereka atau saudaramara mereka yang mahu menulung atau membantu mereka jika mereka sakit atau dalam kesusahan.

Lain-lain kebimbangan adalah seperti kesihatan diri mereka sendiri dan ini terutamanya merupakan kebimbangan diantara para responden yang telah meningkat umur. Ada juga diantara mereka yang tidak mempunyai apa-apa kebimbangan atau mungkin sengaja enggan memberitahu pengkaji.

Kiranya dikaji tentang perkara-perkara negara yang amat dirayukan oleh penduduk-penduduk di kawasan setinggan ini, kita dapati sejumlah besar daripada mereka (36%) yang bimbang tentang keadaan inflasi yang terdapat sekarang. Sila lihat Jadual di sebelah untuk mendapatkan gambaran tentang kebimbangan negara secara amnya.

JADUAL 21

PERKARA NASIONAL YANG DIBIMBANGKAN	PERATUS
Inflasi atau Ekonomi	36
Ancaman Kominis	24
Pertentangan kaum	12
Tidak ada apa-apa kebimbangan	12
Tidak ada jawapan	16
	100

Perkara Nasional yang dibimbangkan oleh
Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan

Keduanya ialah tentang ancaman kominis yang makin menjadi-jadi di negara kita dan mereka sedar jika pengkhianat-pengkhianat ini tidak dihapuskan, negara kita akan menjadi huruhara dan tidak aman. Mereka benar-benar bimbang jika tindakan tidak diambil oleh pihak yang berkenaan akan hal ini. Selain daripada ancaman kominis penduduk-penduduk di sini juga bimbang tentang pertentangan kaum kerana mereka telah mendengar tentang perkara tersebut dan bahayanya terhadap bangsa dan negara kita. Peratus yang lebih kurang sama didapati daripada mereka yang tidak mempunyai apa-apa kebimbangan dengan mereka yang tidak memberi apa-apa jawapan - 12% dan 16%.

Secara keseluruhannya, penduduk-penduduk di sini memandang kehidupan dengan pessimistik dan tidak cerah. Diantara sebab-sebab mengapa mereka bersifat demikian terhadap kedudukan personal mereka ialah berpunca daripada keadaan Ekonomi dan sosial mereka sendiri yang hanya cukup untuk hidup sendiri sahaja atau (self-

sufficiency). Pendapatan mereka terlalu rendah jika dibandingkan dengan tanggungan mereka dan dengan keadaan negara sekarang ini yang serba serbinya memerlukan wang yang banyak.

Dari segi sosial pula, mereka nampaknya tidak begitu pedulikan sangat tentang perkara-perkara yang sedang, telah atau yang mungkin akan dihadapi oleh negara. Mereka seolah-olah tidak berminat sangat terhadap perkara-perkara yang dijalankan oleh pihak-pihak pentadbir; tetapi sebaliknya mereka lebih beratkan tentang keadaan Ekonomi mereka sahaja - menambahkan pendapatan dengan bekerja "overtime", bercucuk tanam dan sebagainya.

CLASS	RATING
1. Saya tahu	6.02
2. Tahu	6.04
3. Tahu sepenuhnya	6.04

Dari penilaian jadual rating di atas jelaslah bahawa penduduk-penduduk

Kampung Mayang ini merupakan kumpulan agama Kristen yang kecil. Kebiasaan masyarakat di sini untuk perayaan "Paskah" ke dalam rating yang cukup

BAB KEEMPAT

ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG

Dalam bab yang lalu (Bab 3), kita telah melihat secara terperinci tentang aspirasi yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan dan dalam bab ini pula kita akan diperlihatkan tentang corak dan bentuk aspirasi penduduk-penduduk Kampung Mayang.

RATING PERSONAL

Jika dilihat akan purata rating yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang ini (jangkamasa 3 peringkat tahunan yang berlainan), kita dapat bahanwa mereka telah meletakkan kedudukan mereka dalam tingkat yang tinggi. Ini dapat dijelaskan seperti dalam jadual yang berikut:

JADUAL 22

MASA	RATING
5 tahun lalu	5.52
Sekarang	6.04
5 tahun hadapan	6.84

Purata Rating Personal yang diberikan oleh Penduduk-penduduk Kampung Mayang

Daripada jadual rating di atas jelas sekali bahawa penduduk-penduduk

Kampung Mayang ini mempunyai sikap optimistik terhadap kehidupan mereka. Mereka telah meletakkan diri mereka pada peringkat "sekarang" ke dalam rating yang agak


tinggi ~ 6.04. Ini adalah tingkat yang merupakan lebih daripada pertengahan dan ini bermakna mereka menganggap bahawa kehidupan yang dialami mereka sekarang adalah lebih daripada hanya setakat "cukup makan dan minum" sahaja tetapi adalah lebih daripada itu. Mereka merasa puas hati akan keadaan yang ada sekarang ini.

Penduduk-penduduk di sini juga benar-benar menaruh keyakinan bahawa keadaan yang ada sekarang ini juga dapat diperbaiki lagi dan dengan itu mereka memandang ke hadapan dengan penuh harapan. Ini dapat dilihat daripada rating yang makin tinggi yang telah diberikan oleh mereka dari peringkat "sekarang" (daripada 6.04 kepada 6.84).

Kita juga dapat bahawa sungguhpun rating yang diberikan oleh mereka bagi peringkat masa 5 tahun yang lalu adalah lebih rendah daripada yang terdapat sekarang atau 5 tahun akan datang, tetapi secara amnya, ia adalah merupakan tingkat yang tinggi ~ 5.52. Tingkat demikian menunjukkan bahawa kehidupan mereka sejak 5 tahun yang lalu lagi telah pun agak memuaskan. Untuk keterangan lanjut, bagi rating yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk di sini, untuk ketiga peringkat tahunan yang berlainan, sila lihat graf yang terdapat di muka sebelah (nombor (iv)).

Dari graf tersebut, didapati bahawa keluk yang diperolehi adalah berbentuk mendatar bagi jangkamasa "5 tahun dulu ke 5 tahun kehadapan". Walau bagaimanapun, jumlah perubahan bagi jangkamasa 10 tahun ini tidak begitu besar, iaitu 1.32 sahaja ($6.84 - 5.52$). Perbezaan rating untuk "35 tahun dulu ke sekarang" adalah 0.52 ($6.04 - 5.52$) dan "sekarang ke 5 tahun akan datang" pula ialah 0.8 ($6.84 - 6.04$).

TINGKATAN RATING PERSONAL YANG
DIBERIKAN OLEH PENDUDUK-PENDUDUK
KAMPUNG MAYANG.



Perbezaan-perbezaan rating bagi kedua peringkat ini (5 tahun dulu ke sekarang dan sekarang ke 5 tahun akan datang) menunjukkan bahawa terdapatnya jangkaan yang lebih optimistik bagi mereka untuk memperbaiki kedudukan personal mereka untuk peringkat yang kedua (sekarang ke 5 tahun hadapan). Walau bagaimanapun, perbezaan yang terdapat tidaklah begitu besar - 0.28 sahaja (0.8 - 0.52).

Secara keseluruhannya, kita dapat bahawa tingkat kedudukan rating yang diberikan oleh penduduk-penduduk daripada Kampung Mayang ini adalah lebih tinggi daripada mereka yang tinggal di kawasan setinggan.

RATING NEGARA

Bagi penduduk-penduduk di kawasan ini, kita dapat kedudukan rating yang telah diberikan oleh mereka untuk negara adalah lebih optimistik lagi jika dibandingkan dengan rating yang diberikan untuk diri mereka. Perbezaan tersebut dapat dilihat bagi ketiga-tiga peringkat tahunan yang berlainan - 5 tahun lalu, sekarang dan 5 tahun akan datang.

Bagi penduduk-penduduk Kampung Mayang ini, mereka sedar bahawa kerajaan atau negara kita sekarang ini sedang menghadapi beberapa masaalah, terutamanya masaalah dalam negeri. Ini adalah seperti kenaikan harga barang, ancaman komuniti dan masaalah perumahan dan lain-lain lagi tetapi mereka tidak pula membuat anggapan bahawa keadaan ini akan terus menerus menjadi buruk dan tidak boleh diperbaiki lagi. Sebaliknya, mereka menaruh keyakinan pada dasar kerajaan yang ada sekarang ini dan percaya bahawa masaalah-masaalah ini dapat diatasi dan seterusnya akan memperolehi keadaan yang lebih stabil lagi.

Penduduk-penduduk di sini sedar bahawa negara kita adalah merupakan satu-satunya negara yang kaya dengan hasil bumi dan pertanian seperti bijih, kelapa sawit, getah dan sebagainya dan mereka merasakan bahan-bahan ini boleh mendatangkan hasil yang banyak kepada negara kita. Jika diambil pecahan-pecahan rating bagi negara itu secara individual, kita akan dapati bahawa ada yang meletakkan "5 tahun akan datang" ke dalam tingkat yang paling tinggi kerana antara faktur-faktur yang lain yang disebutkan oleh mereka adalah kerana penjumbaan-penjumbaan baru seperti minyak di beberapa buah negeri seperti di Pahang, Negeri Sembilan dan sebagainya dan jika lebih banyak lagi galian tersebut dijumpai, nescaya negara kita akan menjadi lebih kaya dan lebih makmur lagi.

Purata rating negara yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung

Mayang ini adalah seperti berikut:-

JADUAL 23

MASA	RATING
5 tahun lalu	5.28
Sekarang	6.24
5 tahun hadapan	7.83

Purata Rating negara yang diberikan oleh Penduduk-penduduk Kampung Mayang

Dari jadual di atas, kita dapat bahawa purata rating yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang ini bagi ketiga-tiga peringkat tahunan yang berlainan adalah agak tinggi, terutamanya bagi peringkat 5 tahun ke hadapan. Tingkat


yang tinggi itu, seolah-olah menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di sini menuruh kepercayaan yang negara kita akan menjadi lebih kaya dan makmur lagi.

Bagi jangkamasa 10 tahun (5 tahun dulu ke 5 tahun hadapan), perbezaan yang agak besar telah diberikan oleh mereka - 1.55 (7.83 - 5.28). Bagi rating "sekarang" pula adalah 6.24 dan ini juga menunjukkan tingkat kedudukan yang tinggi. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas akan kedudukan nasional, yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk di "Kampung" ini, sila lihat geraf (nombor v) di muka surat yang berikutnya.

Daripada geraf tersebut kita dapat bahawa keluk tersebut berbentuk mendatar dan ini menggambarkan bahawa kedudukan negara dipandang semakin bertambah maju dan mewah kerana perubahannya adalah semakin positif dan bukan negatif. Walau bagaimanapun, rating yang paling rendah yang diperolehi adalah untuk peringkat 5 tahun yang lalu, iaitu 5.28. Tetapi, jika diambil secara keseluruhannya, tingkat tersebut juga adalah tinggi dan ianya lebih daripada setengah bagi kesemua tingkat rating yang berjumlah sepuluh semuanya.


Setelah melihat kedua-dua keluk bagi personal dan nasional yang telah dikemukakan oleh penduduk-penduduk daripada kawasan ini, untuk mendapatkan gambaran yang lebih nyata dan lebih ketara lagi elok jika kita gabungkan kedua rajah tersebut dan dijadikan satu. Dengan berbuat demikian, kita bukan sahaja dapat melihat kedudukan rating yang berbeza bahkan dapat melihat bentuk kedua-dua keluk dan perbezaan-perbezaan yang terdapat diantara kedua-duanya.

TINGKATAN RATING NASIONAL YANG
DIBERIKAN OLEH PENDUDUK-PENDUDUK
KAMPUNG MAYANG



GERAF 6

TINGKATAN RATING PERSONAL DAN
NASIONAL YANG DIBERIKAN OLEH
PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG
MAYANG



KELOK PERSONAL

KELOK NASIONAL

Menerusi graf yang sama, kita juga dapat bahawa keluk-keluk bagi kedua-dua peringkat personal dan nasional menunjukkan keluk yang mendatar. Berbeza dengan keluk-keluk yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk kawasan setinggan, penduduk-penduduk di Kampung Mayang ini tidak menunjukkan perbezaan terlalu besar diantara kedudukan personal dan nasional. Purata rating yang diperolehi daripada penduduk-penduduk di sini tidak menunjukkan perbezaan yang besar dan secara amnya telah meletakkan diri mereka dan negara ke dalam tingkat yang tinggi. Tidak terdapat satu pun di antara jangkamasa 3 peringkat tahunan yang berlainan itu (bagi personal dan nasional) yang kedudukannya adalah kurang daripada tingkat 5.

PERPINDAHAN RATING

Jika diberi pecahan peratus bagi perpindahan rating personal untuk kedua peringkat "5 tahun dahulu ke sekarang" dan "sekarang ke 5 tahun akan datang" akan kita perolehi jadual seperti berikut:

JADUAL 24

PERPINDAHAN RATING PERSONAL	PERATUS
5 tahun dulu ke sekarang	
Sekarang lebih tinggi	64
Tidak ada perubahan	24
Sekarang lebih rendah	12
Tiada jawapan	-
	100
Sekarang ke 5 tahun ke hadapan	
Hadapan lebih tinggi	80
Tiada perubahan	8
Hadapan lebih rendah	12
Tiada jawapan	-
	100

Dari jadual di sebelah, kita dapat i bahawa perpindahan rating personal yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang ialah lebih daripada 60% daripada mereka yang mensifatkan yang keadaan sekarang adalah lebih tinggi daripada 5 tahun yang lalu. Jumlah peratus yang kedua besarnya pula adalah mereka yang menyatakan bahawa keadaan yang sama bagi sekarang dan 5 tahun yang lalu (24%) - dan diikuti pula bagi mereka yang menganggapkan bahawa "sekarang adalah lebih rendah daripada 5 tahun yang lalu".

Jika diambil secara keseluruhannya dan dilihat mengapa kita dapat sebahagian besar daripada mereka yang menganggap bahawa keadaan sekarang adalah lebih senang dan lebih murah daripada 5 tahun yang lalu, adalah berpunca daripada beberapa faktur. Antara lainnya adalah seperti bertambahnya pendapatan mereka, kurangnya tanggungan untuk pelajaran anak-anak mereka; mungkin kerana anak-anak mereka telah pun bekerja dan tidak membebankan mereka lagi; kesihatan dan pelajaran yang memuaskan dan sebagainya.

Jika kita ambil pecahan peratus itu secara individual dan melihat mengapa penduduk-penduduk di sini menyatakan bahawa sekarang adalah lebih senang, ialah kerana bertambahnya punca mata pencarian mereka. Ini adalah seperti wang yang diperolehi mereka, hasil daripada rumah atau bilik-bilik yang disewakan mereka, yang terdapat samada di kawasan itu sendiri atau di tempat-tempat lain seperti Petaling Jaya, Kampung Bharu, Setapak dan sebagainya. Faktur-faktur lain pula adalah seperti bantuan yang telah diberikan oleh badan-badan tertentu atau kerajaan untuk melanjutkan pelajaran anak-anak mereka, samaada di institusi-institusi tinggi tempatan atau di

luar negeri. Ini betul-betul meringankan beban mereka kerana dulunya mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak bagi tujuan tersebut.

Bagi mereka yang menyatakan keadaan sekarang adalah lebih susah atau merusut lagi daripada masa 5 tahun yang lalu, antara lain adalah disebabkan oleh "cost of living"¹ yang makin bertambah meningkat, tanggungan yang makin bertambah dan harga barang yang semakin naik, perbelanjaan yang bertambah banyak dan sebagainya. Faktur-faktur ini menyebabkan mereka terasa akan tekanan hidup mereka sekarang ini, jika dibandingkan dengan 5 tahun yang lalu.

Bagi mereka yang berpendapat bahawa keadaan hidup mereka tidak berubah dari 5 tahun yang lalu hingga sekarang adalah pertamanya berkaitan dengan pendapatan mereka dan keduanya, tentang kenaikan harga barang-barang. Kata mereka sungguhpun pendapatan mereka telah meningkat naik tetapi tanggungan mereka semakin bertambah dan keduanya pula, sungguhpun tanggungan seperti dalam perbelanjaan pelajaran anak-anak berkurangan tetapi terdapatnya harga barang-barang atau cukai yang meningkat. Dengan itu, sudah tentu tidak memberi apa-apa perubahan pada keadaan hidup mereka dengan apa yang mereka alami 5 tahun yang lalu.

Untuk sekarang ke 5 tahun akan datang pula, jumlah yang terbesar sekali yang menganggap bahawa masa hadapan adalah lebih tinggi atau lebih cerah; peratusnya adalah 80. Peratus yang menyatakan masa hadapan adalah lebih rendah adalah 12

¹ Adalah penyaraan hidup yang didasarkan bukan sahaja pada pendapatan tetapi juga pada harga barang yang didapati di masa dan tempat tertentu.

dan yang menyatakan "tidak ada perubahan" adalah 8. Diantara sebab-sebab mengapa golongan yang terbesar tadi berpendapat bahawa masa depan akan menjadi lebih terjamin lagi adalah daripada anggapan bahawa tanggungan mereka akan berkurangan kerana dalam jangkamasa tersebut, akan bertambah ramai lagi anak-anak mereka yang akan tamat persekolahan dan dengan itu ada kemungkinan juga mereka akan membantu mereka. Sebab-sebab lain adalah seperti kemungkinan bertambahnya pendapatan dan terhapusnya keadaan inflasi sekarang.

Diantara sebab-sebab yang diberikan mereka untuk menyatakan yang keadaan 5 tahun akan datang akan lebih merusut daripada sekarang adalah kerana ada kemungkinan yang keadaan inflasi yang terdapat sekarang akan berterusan dan dengan itu membawa akibat yang buruk kepada kehidupan mereka - seperti terdapatnya kenaikan harga-harga barang, cukai dan sewa rumah yang mahal dan sebagainya. Ada juga yang mengatakan bahawa dalam jangkamasa tersebut pendapatan mereka akan bertambah berkurangan kerana mereka tidak bekerja lagi - bersara. Ini dinyatakan oleh mereka yang hampir-hampir bersara. Sebab yang dinyatakan oleh mereka bahawa tidak ada perubahan bagi sekarang dan 5 tahun kehadapan adalah sama seperti yang telah dinyatakan bagi peringkat yang pertama (5 tahun yang lalu ke sekarang).

Bagi aspirasi terhadap negara pula, perpindahan rating yang telah diberikan oleh penduduk-penduduk di Kampung Mayang ini untuk 2 peringkat yang berlainan (5 tahun lalu ke sekarang dan sekarang ke 5 tahun hadapan) adalah seperti berikut:

JADUAL 25

TINGKAT RATING NASIONAL	PERATUS
5 tahun lalu ke sekarang	
Sekarang lebih tinggi	84
Tiada perubahan	4
Sekarang lebih rendah	12
Tiada Jawapan	-
	100
Sekarang ke 5 tahun hadapan	
Hadapan lebih tinggi	80
Tiada perubahan	12
Hadapan lebih rendah	4
Tiada jawapan	4
	100

Perpindahan Rating Nasional yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang

Jika dibuat perbandingan diantara perpindahan rating personal dan nasional kita dapat satu perkara yang agak ketara iaitu kedua-duanya mempunyai gulungan yang terbesar yang memberi pandangan bahawa "sekarang adalah lebih tinggi" daripada 5 tahun yang lalu dan "hadapan lebih tinggi" daripada sekarang ini. Bagi rating nasional, 84% daripada mereka yang menganggap "sekarang adalah lebih tinggi" daripada 5 tahun yang lalu dan 80% daripadanya pula yang meramalkan bahawa masa hadapan negara adalah lebih cerah lagi daripada yang terdapat sekarang ini. Diantara sebab-sebab mengapa mereka mengatakan bahawa keadaan negara sekarang ini adalah lebih mewah lagi daripada 5 tahun yang lalu adalah seperti:

- 1) Bertambahnya hasil pendapatan dan pengeluaran negara (GNI dan GNP).
- 2) Bertambahnya bilangan "Literacy".
- 3) Semakin banyak projek-projek pembangunan - sekolah, rumah sakit, kilang-kilang dan sistem perairan.

Faktur-faktur di atas menyebabkan kedudukan negara lebih terjamin

dan kukuh lagi.

Diantara faktur-faktur yang menyatakan bahawa keadaan negara masa hadapan adalah lebih baik atau cerah lagi daripada yang terdapat sekarang adalah seperti mungkin bertambahnya projek yang berguna dan yang membina, bertambahnya bilangan para cerdik pandai dan kesan yang akan dirasai oleh mereka yang mengambil bahagian dalam projek-projek yang dilancarkan oleh kerajaan.

Bagi mereka yang menganggap keadaan sekarang dan masa hadapan adalah lebih buruk, berpunca daripada naiknya harga barang dan mereka berpendapat bahawa ada kemungkinan yang perkara tersebut akan berlanjutan. Peratus yang diperolehi bagi mereka yang tidak mahu memberi apa-apa jawapan pula adalah seperti apa yang telah dikatakan oleh dua atau tiga orang responden di sini bahawa mereka tidak dapat meramalkan tentang perkara-perkara yang akan berlaku pada masa akan datang kerana tidak ada siapa pun yang boleh menentukannya melainkan tuhan. Mungkin sekarang ini keadaan negara aman dan damai, mewah dan sebagainya tetapi siapa tahu, 5 tahun akan datang malapetaka mungkin menimpa kita. Negara akan merusut dan rakyat pula akan menjadi miskin dan sengsara.

PERKARA YANG DIHARAPKAN

Bagi penduduk-penduduk Kampung Mayang ini, perkara-perkara yang diharap-harap dan dicita-citakan oleh mereka adalah seperti berikut:

JADUAL 26

HARAPAN PERSONAL	PERATUS
Kesihatan	12
Kenaikan pangkat kerja	20
Perniagaan sendiri	16
Kejayaan masa depan anak-anak	32
Menjadi kaya dan aman	12
Tidak tahu	8
	100

Harapan Personal Penduduk-penduduk Kampung Mayang

Dari jadual di atas kita dapatilah bahawa jumlah peratus yang paling terbesar adalah mereka yang mempunyai cita-cita untuk melihat anak-anak mereka berjaya di masa depan - dari segi material dan non-material. Kejayaan bagi material yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan kekayaan harta benda atau kemewahan dan kejayaan segi non-material pula adalah supaya mereka mempunyai pegangan yang kuat dalam ugama, mempunyai pelajaran dan akhlak atau moral yang tinggi. Mereka juga mengharapkan supaya anak-anak mereka akan dikasih ihi oleh orang lain dan akan berjasa pada nusa dan bangsa.

Oleh kerana boleh dikatakan 100% daripada responden-responden daripada kawasan ini adalah kakitangan kerajaan dan masih bekerja maka sejumlah besar daripada mereka (20%) yang mempunyai cita-cita agar mereka dinaikkan pangkat supaya kehidupan mereka akan menjadi lebih mewah dan lebih senang lagi. memandangkan pada keadaan inflasi yang terdapat sekarang.

Perkara-perkara lain yang menjadi cita-cita dan harapan penduduk-penduduk Kampung Mayang adalah seperti bermiaga (secara besar-besaran) 16%, menjadi kaya dan mempunyai rumah tangga yang aman damai, 12%. Peratus yang enggan langsung memberi apa-apa jawapan adalah 8.

Setelah melihat aspirasi dan cita-cita personal, kita sekarang dapat pula melihat harapan negara yang diperolehi daripada responden-responden Kampung Mayang:

JADUAL 27

HARAPAN NEGARA	PERATUS
Pembangunan dan kemajuan Ekonomi	40
Keamanan Negara	36
Tidak ada pertentangan kaum	16
Tiada jawapan	8
	100

Dari jadual di atas kita dapat bahawa jumlah peratus yang diperolehi untuk "pembangunan dan kemajuan Ekonomi" dengan "keamanan negara" adalah hampir-hampir sama, iaitu 40 dan 36. Mereka sedar bahawa kedua-dua faktur tersebut adalah berkaitan, misalnya pembangunan dan kemajuan dalam bidang Ekonomi hanya boleh dicapai jika adanya keamanan negara. Mereka juga sedar bahawa pelaburan modal

asing akan hanya diperolehi jika sekiranya keadaan negara adalah aman dan tidak terdapat sebarang pergisiran (conflict) atau perang. Keadaan demikian akan melemahkan keadaan sistem Ekonomi, sosial dan politik negara dan dengan itu akan memberi kesan terhadap pembangunan dan kemajuan Ekonomi negara kita.

Selain daripada itu, 16% telah diperolehi yang menyatakan harapan mereka supaya tidak akan berlakunya sebarang bentuk pertentangan kaum kerana mereka faham akan akibatnya yang akan timbul, kepada negara jika berlakunya keadaan demikian. Peratus yang sama telah diperolehi bagi mereka yang enggan menyatakan harapan nasional dan personal - 8%.

PERKARA YANG DIBIMBANGKAN

Sungguhpun penduduk-penduduk Kampung Mayang ini mempunyai aspirasi yang tinggi dan melihat keadaan mereka sebagai optimistik, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa segala harapan dan cita-cita mereka itu akan dapat dicapai mereka dengan semudahnya. Mereka juga terpaksa menghadapi beberapa masalah dan kerumitan untuk mencapai satu-satu. Misalnya, jika mereka inginkan kehidupan anak-anak mereka mewah di satu hari nanti, maka mereka terpaksa memberi pelajaran dan ilmu pengetahuan yang cukup lagi sempurna kepada anak-anak mereka. Dengan itu, timbul pula masalah bagaimanakah caranya untuk mencapai cita-cita mereka itu. Mereka dengan itu bimbang jika anak mereka tidak berjaya dalam peperiksaan mereka atau jika anak-anak mereka enggan mendengar nasihat dan kata-kata mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, penduduk-penduduk di sini tidak ada masalah untuk memberi perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka, tetapi apa yang

membimbangkan mereka ialah jika anak-anak mereka itu tidak mempunyai upaya untuk mencapai tujuan dan cita-cita mereka itu. Jumlah peratus yang mempunyai kebimbangan terhadap perkara tersebut ialah 32.

Ada juga diantara penduduk-penduduk di sini yang menyebut bahawa mereka risau jika anak-anak mereka bercampur dengan mereka yang tidak mempunyai moral dan yang suka berjudi atau "minum" dan mengisap ganja. Mereka sedar bahawa perkara seperti ini merupakan perkara yang lazim didapati, terutamanya di kalangan anak-anak muda yang tinggal di bandar-bandar besar. Perkara tersebut membimbangkan penduduk-penduduk di sini dan peratus yang diperoleh adalah 24.

Kebimbangan-kebimbangan lain yang telah dinyatakan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang ini adalah dari segi kesihatan dan kenaikan harga barang. Mereka yang bimbang terhadap kesihatan adalah mereka yang telah meningkat umur dan juga mereka yang masih bekerja. Mereka bimbang jika kesihatan mereka akan mengancam kehidupan mereka iaitu di mana segala aktifiti-aktifiti dan pekerjaan mereka tidak akan dapat berjalan dengan licin.

Jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk kawasan setinggan, penduduk-penduduk di Kampung Mayang ini tidaklah begitu bimbang akan kenaikan harga barang-barang yang terdapat sekarang ini; sungguhpun ada yang telah menyatakan tentang perkara tersebut - 12% sahaja. Jumlah peratus yang tidak mempunyai apa-apa keraguan pula adalah 16 dan ini mungkin kerana mereka berpendapatan lebih daripada mencukupi, tidak banyak tanggungan atau mungkin juga kerana tidak mahu memberitahu akan perkara-perkara yang membimbangkan mereka. Sila lihat jadual berikut untuk mendapat

gambaran yang lebih jelas.

JADUAL 28

BIMBANGAN PERSONAL	PERATUS
Pelajaran anak-anak	32
Moral anak-anak	24
Kesihatan	16
Kenaikan harga barang	12
Tidak ada keimbangan	16
	100

Perkara Personal yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang

Bagi peringkat nasional pula, perkara-perkara yang telah menjadi kebimbangan mereka di Kampung ini dengan pecahan peratusnya sekali dapat dilihat daripada Jadual berikutnya. Perkara yang paling membimbangkan mereka adalah berkaitan dengan anasir subversif dan pengganas kominis (28%). Mereka telah menyebut akan peristiwa pembunuhan dan serang hendap yang berlaku kepada askar-askar atau orang-orang awam di Perak dan di merata-rata tempat yang lainnya. Berikutnya pula ialah berkaitan dengan tingkat literacy dan ilmu pengetahuan. Ini memandangkan pada ramaunya jumlah keciciran yang terdapat di negara kita - mungkin daripada ketidakmampuan atau sebab tidak mempunyai inisiatif yang tinggi untuk belajar.

Ada pula yang menyebut tentang pengangguran sebagai yang menjadi kebimbangan untuk negara dan ini memandangkan pada ramaunya yang tidak mempunyai

pekerjaan yang seujar dengan kelulusan mereka. Jumlah pertitus yang sama telah diperolehi bagi mereka yang bimbangkan tentang kenaikan harga barang dan yang tidak memberi apa-apa jawapan (16%). Sila lihat jadual berikut:

JADUAL 29

KEBIMBANGAN NASIONAL	PERATUS
Pelajaran	20
Kenaikan harga barang	16
Anasir subversif dan pengganas	28
Pengangguran	8
Tidak tahu (tiada jawapan)	16
Tiada kebimbangan	16
	100

Perkara Nasional yang dibimbangkan oleh Penduduk-penduduk Kampung Mayang

Daripada keterangan-keterangan di atas, kita dapat bahawa penduduk-penduduk Kampung Mayang bersifat optimistik dan memandang kehadapan dengan penuh keyakinan dan tidak mudah berputus asa. Sebaliknya, mereka berpegang teguh pada pendapat mereka bahawa tiap-tiap satu itu boleh dipindah dan dengan itu mereka seniasa berusaha untuk mengubah akan keadaan yang ada sekarang. Mereka percaya bahawa jika mereka bekerja dengan lebih tekun dan lebih gigih lagi, maka masa depan mereka nanti akan menjadi lebih terang lagi.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa penduduk-penduduk di sini adalah bersifat optimistik dan tidak mudah berputus asa. Diantara faktur-faktur yang menyebab-

kan mengapa mereka bersikap demikian adalah berpunca daripada kedudukan Ekonomi dan sosial mereka sendiri yang dianggap memuaskan dan mencukupi. Mereka mempunyai pendapatan yang boleh dikatakan lumayan² dan dengan itu masalah tidak timbul berkaitan dengan perbelanjaan yang diperlukan untuk mereka bagi keperluan mereka hari-hari atau untuk persekolahan anak-anak mereka dan sebagainya.

Bagi peringkat nasional pula, mereka benar-benar menaruh minat terhadap apa yang berlaku pada masa sekarang, masa silam atau apa yang mungkin berlaku pada masa-masa akan datang. Mereka juga sedar akan perkara-perkara atau projek-projek yang dilancarkan oleh kerajaan seperti pembinaan rumah sakit atau sekolah-sekolah baru, pembukaan jalan-jalan raya bagi kemudahan penduduk-penduduk luar bandar, kemasukan alat-alat moden daripada luar negeri dan sebagainya. Mereka juga faham tentang dasar (policy) yang dijalankan oleh kerajaan bagi dalam dan luar negeri, dimana kesemuanya ini dapat dikuti mereka melalui "mass-media" seperti surat khabar, talivisyen dan juga radio.

² Untuk mendapatkan data bagi pendapatan penduduk-penduduk Kampung Mayang ini, sila lihat muka surat 15.

BAB KELIMA

PERBANDINGAN ASPIRASI PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN KAMPUNG MAYANG

Dalam bab-bab yang ketiga dan keempat, kita telah melihat tentang aspirasi personal dan nasional penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan ini secara berasingan, tetapi dalam bab ini, kita akan melihat aspirasi penduduk-penduduk tersebut secara perbandingan. Bab ini berkemungkinan akan menimbulkan bab yang berbentuk "repetitive" (ulangan), tetapi ianya perlu untuk menunjukkan perbezaan-perbezaan aspirasi tersebut dengan lebih jelas lagi.

Perlu diingatkan bahawa penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan ini mempunyai latarbelakang, pekerjaan, "style of life" dan "standard of living" yang berlainan dan dengan itu sudah tentu menimbulkan tingkat aspirasi yang berlainan juga. Dengan itu, kita akan diperlihatkan tentang corak aspirasi yang terdapat di kedua-dua kawasan kajian ini secara yang lebih "detail" dan mendalam lagi.

PERBANDINGAN RATING

RATING PERSONAL

Jika kita lihat secara perbandingan akan kedua-dua rating personal yang diperolehi daripada kedua-dua kawasan kajian, kita akan dapat purata rating yang berbeza. Ini adalah berpuncak daripada keadaan hidup mereka sendiri yang antara satu sama lainnya adalah berbeza. Perbezaan rating itu dapat dilihat seperti

dalam jadual yang berikut:

JADUAL 30


MASA	PURATA RATING	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
5 tahun lalu	4.16	5.52
Sekarang	5.44	6.04
5 tahun hadapan	4.96	6.84

Perbandingan purata rating personal yang diberikan oleh penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang

Dari jadual di atas kita dapat bahawa terdapatnya perbezaan-perbezaan diantara kedua-dua rating yang telah diberikan oleh responden-responden tersebut. Bagi penduduk-penduduk Kampung Mayang, mereka mensifatkan bahawa kehidupan mereka adalah senang dan mencukupi dan dengan itu telah memberikan tangga kedudukan yang tinggi untuk diri mereka. Ini berbeza daripada mereka yang tinggal di kawasan setinggan, yang hanya sekadar untuk "secukup hidup" sahaja dan mereka telah memberikan tingkat rating yang rendah untuk diri mereka bagi ketiga-tiga jangkamasa yang berlainan - 5 tahun lalu, sekarang dan 5 tahun akan datang.

Untuk melihat perbezaan yang lebih nyata lagi, elok jika kita gunakan geraf yang diperolehi itu dan ditafsirkan melalui keluk-keluk tersebut (sila lihat geraf No. vii di muka sebelah).

TINGKATAN RATING PERSONAL
PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN
SETINGGAN DAN KAMPUNG MAYANG



Daripada graf tersebut, kita dapat bahawa keluk yang diperolehi bagi purata rating personal penduduk-penduduk kawasan setinggan adalah menurun bagi peringkat "sekarang ke 5 tahun hadapan", tetapi mendatar bagi "5 tahun yang lalu ke sekarang". Ini bermakna yang masa sekarang adalah lebih mewah daripada 5 tahun yang lalu, tetapi 5 tahun yang akan datang pula keadaannya adalah lebih buruk daripada yang terdapat sekarang. Sebab-sebabnya telah pun dinyatakan dalam bab 4.

Bagi penduduk-penduduk Kampung Mayang pula, kita dapat keluk yang berbentuk mendatar bagi kedua-dua peringkat iaitu "5 tahun yang lalu ke sekarang" dan "sekarang ke 5 tahun yang akan datang". Ini menunjukkan sifat optimistik mereka dalam menghadapi masa depan dan kehidupan mereka sekarang ini. Perbezaan-perbezaan rating bagi ketiga-tiga masa yang diperolehi daripada kedua-dua tempat tersebut adalah seperti berikut:

5 tahun yang lalu	-	0.8 (5.52 - 5.44)
Sekarang	-	1.88 (6.04 - 4.16)
5 tahun hadapan	-	1.88 (6.84 - 4.96)

RATING NEGARA

Rating negara yang telah diberikan oleh kedua-dua penduduk-penduduk kawasan setinggan dan Kampung Mayang adalah seperti berikut:-

JADUAL 31

MASA	PURATA RATING	
	Kawasan Seringgan	Kampung Mayang
5 tahun lalu	5.16	5.28
Sekarang	6.24	6.24
5 tahun hadapan	7.24	7.83

Purata Rating Nasional Penduduk-penduduk Kawasan Seringgan dan Kampung Mayang

Rating negara ini juga dapat digambarkan melalui keluk-keluk seperti yang terdapat di dalam geraf yang berikut di muka sebelah. Satu perkara yang nyata tentang rating ini adalah bahawa penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan ini memberikan rating yang tinggi bagi negara mereka jika dibandingkan dengan rating yang diberikan untuk diri mereka. Penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan bersifat optimistik terhadap keadaan negara dan meramalkan bahawa negara kita akan bertambah makmur dan kaya lagi di masa-masa akan datang. Ini adalah berdasarkan pada rating yang diberikan oleh mereka - 7.24 diperolehi daripada Penduduk-penduduk kawasan setinggan dan 7.83 daripada penduduk-penduduk Kampung Mayang.

Daripada gabungan geraf yang diperolehi, kita dapat bahawa dari segi bentuk, kedua-dua keluk negara tidak menunjukkan perbezaan yang nyata jika dibandingkan dengan rating yang diperolehi bagi peringkat personal. Ini adalah kerana kedua-duanya bersifat menaik, sungguhpun tinggi-rendah, ratingnya sahaja yang

GERAKAN
TINGKATAN RATING NASIONAL PENDUDUK-
PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN DAN
KAMPUNG MAYANG UNTUK TIGA MASA
YANG BERLATAN



KELOK PENDUDUK-PENDUDUK KAWASAN SETINGGAN

KELOK PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG MAYANG

berbeza. Purata rating yang diperolehi bagi "5 tahun dulu" dan "5 tahun hadapan" untuk penduduk-penduduk Kampung Mayang adalah lebih tinggi daripada yang diperolehi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan - 5.28 dibandingkan dengan 5.16 bagi "5 tahun dulu" dan 7.83, dibandingkan dengan 7.24 bagi "5 tahun hadapan". Purata rating yang telah diperolehi bagi peringkat "sekarang" bagi kedua-dua kawasan kajian - 6.24.

Dari kaluk yang diperolehi itu, jelas bahawa kedua-dua penduduk Kampung Mayang dan Kawasan Setinggan menaruh keyakinan penuh pada kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh negara kita setakat ini dan memberi kepercayaan penuh terhadap perkara-perkara yang sedang dan yang akan dilancarkan oleh kerajaan kita. Penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan ini sedar akankekayaan hasil pertanian atau galian negara kita dan keadaan yang stabil yang menarikkan minat pelabur-pelabur daripada dalam dan luar negeri.

PERBANDINGAN PERPINDAHAN RATING

Seperti yang telah dinyatakan, perpindahan rating yang dimaksudkan ialah perubahan yang berlaku di dalam ketiga-tiga jangkamasa - 5 tahun dulu, sekarang dan 5 tahun ke hadapan, mengikut peringkat-peringkat "5 tahun dulu ke sekarang" dan "sekarang ke 5 tahun akan datang". Dalam bab ini, kita akan diperlukat tentang perpindahan rating tersebut dengan cara serentak, supaya kita akan dapat membuat perbandingan tersebut dengan lebih nyata. Perbandingan perpindahan itu akan diperlukatkan kedua-dua untuk personal dan nasional dengan pecahan-pecahan peratusnya sekali supaya akan dapat dilihat samaada ramai atau tidaknya

responden-responden yang mempunyai tingkat aspirasi yang rendah, tinggi atau sama sahaja tanpa sebarang perubahan.

Untuk mendapatkan perbandingan perpindahan rating personal yang lebih jelas, sila lihat pecahan-pecahan peratus yang disediakan berikut:

JADUAL 32

RATING PERSONAL	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
5 tahun dulu ke sekarang		
Sekarang lebih tinggi	68	64
Tiada perubahan	24	24
Sekarang lebih rendah	8	12
Tiada jawapan	-	-
	100	100
Sekarang ke 5 tahun hadapan		
Hadapan lebih tinggi	72	80
Tiada jawapan	8	8
Hadapan lebih rendah	12	12
Tiada jawapan	8	-
	100	100

Perpindahan Rating Personal diantara Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang

Dari jadual di atas kita dapati bahawa bagi peringkat pertama (5 tahun dulu ke sekarang) peratus "sekarang lebih tinggi" bagi penduduk-penduduk kawasan setinggan adalah 68, berbanding dengan 64 untuk penduduk-penduduk Kampung Mayang. Peratus "sekarang lebih rendah" pula adalah 8, bagi gulungan pertama dan 12 bagi yang kedua. Peratus yang sama (24) telah diperolehi bagi kedua-dua gulungan penduduk yang berpendapat bahawa "tidak ada perubahan" daripada 5 tahun dulu hingga sekarang.

Bagi mereka yang menyatakan keadaan "sekarang adalah lebih tinggi" ini menunjukkan bahawa gulungan ini mempunyai sikap bahawa kehidupan mereka sekarang ini, jika dibandingkan dengan 5 tahun yang lalu adalah lebih mewah lagi. Hanya segelintir sahaja daripada mereka yang mensifatkan bahawa kehidupan mereka sekarang adalah lebih rendah daripada 5 tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa mereka telah terasa akan "improvement" atau keadaan yang lebih baik ke atas kehidupan mereka sehari-hari.

Di peringkat kedua pula (iaitu sekarang ke 5 tahun yang akan datang) tidak terdapat perbezaan yang besar diantara kedua-dua kawasan kajian, misalnya peratus yang diperolehi daripada mereka yang menganggap "sekarang lebih tinggi" ialah 72 dan 80. Peratus yang diperolehi daripada mereka yang memberikan "tidak ada perubahan" dan "hadapan lebih rendah" pula adalah sama bagi kedua-dua kawasan. Berbeza dengan penduduk-penduduk kawasan setinggan, tidak ada seorang pun diantara mereka daripada Kampung Mayang yang enggan untuk memberikan apa-apa jawapan; berbanding dengan 8% yang diperolehi daripada responden-responden kawasan setinggan.

Untuk melihat perbandingan perpindahan rating negara pula, sila lihat
pecahan peratus yang berikut:

JADUAL 33

PERPINDAHAN RATING NASIONAL	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
5 tahun dulu ke sekarang		
Sekarang lebih tinggi	68	84
Tidak ada perubahan	12	4
Sekarang lebih rendah	12	12
Tiada jawapan	8	-
	100	100
Sekarang ke 5 tahun hadapan		
Hadapan lebih tinggi	68	80
Tiada perubahan	8	12
Hadapan lebih rendah	16	4
Tiada jawapan	8	4
	100	100

Perpindahan Rating Nasional Penduduk-penduduk
Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang

Dari jadual di atas kita dapatilah bahawa perpindahan rating nasional bagi kedua-dua kawasan kajian, terdapatnya unsur-unsur persamaan, dimana kedua-dua kawasan mempunyai jumlah peratus rating "sekarang lebih tinggi" - adalah yang paling banyak sekali bilangannya. Peratus yang sama telah diperolehi bagi rating "sekarang

"lebih rendah" iaitu 12. Walau bagaimanapun, tidak terdapat seorang pun daripada responden-responden Kampung Mayang yang tidak mengemukakan apa-apa pendapat berkaitan dengan perpindahan rating nasional, jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di kawasan setinggan yang mempunyai jumlah 8%.

Bagi peringkat kedua (sekarang ke 5 tahun hadapan) kita dapati bahawa golongan yang terbesar diperolehi adalah mereka yang mengatakan "hadapan lebih tinggi" daripada sekarang dan peratus yang diperolehi walau bagaimanapun, menunjukkan bahawa lebih ramai lagi yang berpendapat demikian - adalah mereka yang tinggal di Kampung Mayang - 80% berbanding dengan 68% yang diperolehi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan. Dengan itu boleh dikatakan bahawa penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan mempunyai keyakinan bahawa negara kita mempunyai masa depan yang cerah, jika dibandingkan dengan keadaan yang ada sekarang ini. Peratus yang kecil sahaja diperolehi bagi mereka yang memandang bahawa masa depan negara adalah lebih rendah daripada yang terdapat sekarang. Mereka percaya bahawa negara kita akan terus menjadi makmur walaupun terdapat keadaan inflasi atau masalah-masalah lain yang dihadapi oleh negara sekarang ini.

Bagi peringkat ini walau bagaimanapun, terdapatnya mereka yang tidak memberi apa-apa jawapan. Peratus yang diperolehi bagi mereka yang tinggal di kawasan setinggan adalah 8, dan daripada Kampung Mayang pula adalah 4. Jumlah yang diperolehi ini mungkin berpunca daripada mereka yang tidak mahu membuat ramalan tentang apa yang akan berlaku di masa hadapan.

PERBANDINGAN PERKARA-PERKARA YANG DIHARAPKAN

Untuk mendapatkan perbandingan yang lebih jelas lagi akan perkara-perkara yang menjadi cita-cita dan harapan personal penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan, sila lihat jadual yang berikut:

JADUAL 34

HARAPAN PERSONAL	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
Kesihatan	-	12
Berniaga	16	16
Kenaikan pangkat kerja	4	20
Kejayaan masa depan anak-anak	12	32
Taraf Ekonomi lebih tinggi	36	-
Dapat memiliki tanah sendiri	24	-
Menjadi kaya dan aman	-	12
Tiada jawapan	8	8
	100	100

Perkara Personal yang diharapkan oleh Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang

Dari jadual di atas kita dapatiti bahawa perkara personal yang menjadi harapan penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan adalah berlainan dan ini dapat dilihat daripada peratus yang diperolehi. Jumlah peratus yang terbesar diperolehi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan ialah mereka yang mempunyai cita-cita untuk mendapatkan taraf Ekonomi yang lebih tinggi, manakala peratus yang paling terbesar daripada kawasan yang kedua adalah berkaitan dengan kejayaan masa depan anak-anak.

Dikalangan penduduk-penduduk setinggan pula mereka benar-benar mempunyai cita-cita untuk memperolehi dan memiliki tanah sendiri. Ini adalah berpunca daripada ketiadaan tanah sendiri dan dengan itu terpaksa tinggal di "tanah haram" seperti yang telah dinyatakan dalam bab yang lalu. Perkara ini tidak menjadi suatu yang diidam-idamkan oleh mereka yang tinggal di Kampung Mayang. Sebaliknya mereka lebih pentingkan tentang kenaikan pangkat daripada perkara yang disebutkan tadi. Berbanding dengan perkara-perkara yang menjadi cita-cita penduduk-penduduk daripada kedua kawasan dapat dilihat daripada jadual di atas.

Untuk mendapatkan perbandingan berkaitan dengan apa yang menjadi harapan negara pula dengan pecahan-pecahan peratusnya sekali, sila lihat jadual berikutnya:

JADUAL 35

HARAPAN NEGARA	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
Pembangunan dan Kemajuan Ekonomi	24	40
Kemajuan Pendidikan dan Kesihatan	12	-
Keharmonian antara kaum	16	16
Keamanan negara	28	36
Tiada jawapan	20	8
Total	100	100

Secara keseluruhannya, kita dapat i bahawa pecahan peratus yang paling terbesar yang menjadi harapan dan cita-cita penduduk-penduduk Kampung Mayang adalah berkaitan dengan "pembangunan dan kemajuan Ekonomi" diikuti pula dengan "keamanan negara". Jumlah peratus yang terbesar bagi penduduk-penduduk kawasan setinggan pula ialah "keamanan negara" dan diikuti pula dengan "pembangunan dan kemajuan Ekonomi".

PERBANDINGAN PERKARA YANG DIBIMBANGKAN

Sila lihat jadual berikut untuk mendapatkan gambaran tentang perkara-perkara yang menjadi keraguan atau kebimbangan personal penduduk-penduduk dari pada kedua-dua kawasan dengan pecahan-pecahan peratusnya sekali.

JADUAL 36

KEBIMBANGAN PERSONAL	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
Pelajaran anak-anak	12	32
Moral anak-anak	-	24
Masa depan anak-anak, isteri dan diri sendiri	16	-
Kenaikan harga barang	16	12
Pendapatan dan pelajaran	12	-
Tanah	28	-
Kesihatan	8	16
Tiada kebimbangan	-	16
Tiada jawapan	8	-
	100	100

Perkara-perkara personal yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk Kampung Mayang dan Kawasan Setinggan

Seterusnya, untuk melihat secara perbandingan perkara-perkara nasional yang menjadi kebimbangan penduduk-penduduk kedua-dua kawasan kajian dengan pecahan-pecahan peratusnya sekali, sila lihat jadual yang berikutnya:-

JADUAL 37

PERATUS NASIONAL YANG DIBIMBANGKAN	PERATUS	
	Kawasan Setinggan	Kampung Mayang
Pelajaran	-	20
Inflasi/Ekonomi	36	16
Pengangguran	-	8
Pertentangan kaum	12	-
Ancaman komunis dan anasir subversif	24	28
Tiada kebimbangan	12	28
Tiada jawapan	16	-
	100	100

Perkara-perkara Nasional yang dibimbangkan oleh Penduduk-penduduk Kawasan Setinggan dan Kampung Mayang

BAB KEENAM

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Sebagai rumusan akhir, elok jika dikemukakan beberapa perkara pokok berkaitan dengan tajuk penulisan ini. Diperlihatkan juga tentang kelemahan-kelemahan kajian, masaalah-masaalah yang dihadapi dalam menjalankan kajian dan syur-syur atau cadangan-cadangan yang boleh diikuti dalam kajian-kajian akan datang.

Daripada bab-bab yang lalu kita telah dapat memahami beberapa perkara tentang apa yang dimaksudkan dengan konsep aspirasi dan juga tentang tinggi-rendahnya aspirasi dikalangan penduduk-penduduk di kedua-dua kawasan kajian - Kampung Mayang dan kawasan setinggan yang kedua-duanya mempunyai latarbelakang dan taraf sasio-Ekonomi yang berlainan. Seperti yang telah dikemukakan, faktur-faktur ini merupakan faktur penentu yang terpenting dalam menentukan tingkat aspirasi seseorang itu.

Secara keseluruhannya, terdapat perbezaan yang nyata diantara aspirasi personal dan nasional penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan setinggan dan Kampung Mayang. Penduduk-penduduk Kampung Mayang yang mempunyai taraf Ekonomi yang lebih tinggi daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan sudah tentu mempunyai aspirasi yang tinggi, jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk daripada kawasan setinggan. Mereka telah meletakkan diri mereka ke dalam tingkat yang tinggi sekali (purata bagi sekarang 5.44, 5 tahun lalu 4.16 dan 5 tahun akan datang 4.96).

Ini adalah berbeza dengan mereka yang tinggal di kawasan setinggan di mana purata ratingnya adalah seperti berikut: sekarang 6.04, 5 tahun lalu 5.52 dan 5 tahun hadapan 6.84.

Kedudukan tangga atau rating yang tinggi melambangkan tentang keadaan yang senang atau mewah dan ini berbeza dengan kedudukan yang sebaliknya, iaitu di mana mereka sentiasa menghadapi masaalah-masaalah personal seperti ketiadaan tempat tinggal yang sempuma, tidak cukup wang untuk perbelanjaan persekitaran anak-anak atau mungkin juga ketiadaan peluang untuk memperolehi cara kehidupan yang sama seperti yang dimiliki oleh penduduk-penduduk yang lebih bernasib baik dan yang berkedudukan lebih tinggi daripada mereka.

Mereka yang mempunyai keyakinan penuh akan keadaan hidup mereka selalunya memandang ke hadapan dengan terang dan "confident" jika dibandingkan dengan mereka yang sebaliknya. Mereka bersifat optimistik dan menaruh penuh kepercayaan terhadap perkara yang dihadapi mereka sekarang atau di masa-masa akan datang. Mereka tidak mudah diperlemahkan dengan sebarang kegagalan yang dihadapi mereka.

Sebaliknya pula, penduduk-penduduk kawasan setinggan yang mempunyai taraf Ekonomi yang rendah dan hanya secukup makan sahaja (self-sufficient), tidak mempunyai kepercayaan terhadap diri sendiri dan sentiasa mempunyai sifat pessimistik terhadap perkara-perkara yang dihadapi mereka sekarang atau di masa-masa akan datang. Mereka tidak menaruh keyakinan terhadap masa depan mereka dan percaya bahawa ianya tidak boleh diubah dan diperbaiki lagi. Ini mungkin disebabkan oleh

sikap yang terdapat di kalangan mereka - mudah berputus asa dan keciwa dalam menghadapi apa-apa kegagalan dan godaan hidup. Dengan itu, kita dapati bahawa penduduk-penduduk di sini lebih menaruh minat kepada perkara-perkara yang ada kaitannya dengan kehidupan sehari-hari daripada perkara-perkara yang tidak men- datangkan apa-apa faedah atau "benefit" kepada mereka.

Berkaitan dengan aspirasi terhadap negara, persamaan terdapat di kalangan penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan kajian ini. Mereka nampaknya memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan dan kepercayaan bahawa negara kita akan mempunyai masa depan yang terang. Sungguhpun penduduk-penduduk kawasan setinggan ini mempunyai aspirasi yang rendah terhadap kehidupan yang dialami mereka, tetapi mereka bersifat agak optimistik terhadap negara mereka. Diantara penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan ini, walaupun bagaimanapun, menunjukkan perbezaan pandangan (sungguhpun hanya kecil sahaja) berkaitan dengan kedudukan negara itu. Nampaknya, penduduk-penduduk Kampung Mayang telah meletakkan kedudukan negara ke dalam tingkat yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan mereka yang berasal daripada kawasan setinggan.

Berkaitan dengan perkara-perkara yang menjadi harapan dan keraguan personal, kita dapati bahawa terdapatnya perbezaan diantara penduduk-penduduk daripada kedua-dua kawasan itu. Perkara yang menjadi idaman atau keraguan penduduk-penduduk Kampung Mayang lebih merupakan tentang perkara yang ada kaitannya dengan pelajaran atau masa depan anak-anak mereka. Mereka inginkan anak-anak mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup supaya tidak menghadapi kekeciaaan di masa-masa akan datang.

Jika dilihat tentang harapan personal penduduk-penduduk kawasan setinggan pula, peratus yang terbesar yang mempunyai cita-cita yang sama adalah berkaitan dengan pemilikan tanah. Tanah merupakan perkara yang paling diidam-idamkan oleh penduduk-penduduk di sini. Ini adalah berpunca daripada ketiadaan tempat tinggal yang sempuma, yang benar-benar menjadi hak milik mereka. Sebagaimana yang telah dinyatakan, mereka ini tinggal di tanah kerajaan yang mana mereka boleh disingkirkan bila-bila masa juga oleh pihak yang berkenaan. Faktur yang lain yang menjadi harapan atau keraguan penduduk-penduduk di sini adalah yang berkaitan dengan kenaikan harga barang - disebabkan oleh keadaan inflasi yang terdapat sekarang.

Dengan itu secara amnya, kita dapatti bahawa diantara penduduk-penduduk Kampung Mayang dan kawasan setinggan terdapatnya berbezaan tingkat aspirasi yang mana ianya adalah dipengaruhi oleh beberapa faktur seperti latarbelakang sosio Ekonomi, pekerjaan dan sebagainya. Mereka yang mempunyai taraf Ekonomi yang tinggi akan mempunyai aspirasi yang tinggi dan begitu pula jika sebaliknya. Mereka yang berasal daripada Kampung Mayang yang mana tingkat aspirasinya adalah tinggi, adalah disebabkan oleh faktur yang disebutkan di atas. Begitu pula bagi penduduk-penduduk kawasan setinggan yang mempunyai taraf Ekonomi yang rendah, turut memperolehi sikap dan aspirasi yang rendah juga.

KELEMAHAN, MASAALAH-MASAALAH DAN CADANGAN-CADANGAN UNTUK KAJIAN DI MASA-MASA HADAPAN

Sebagaimana kajian-kajian kes yang lain, kajian ini juga mempunyai kelemahan-kelebihannya dan diantara kelemahan-kelebihan itu adalah seperti yang

dinyatakan berikut.

Oleh kerana penyelidikan ini dijalankan hanya dalam jangkamasa yang terhad, maka beberapa kelemahan mungkin timbul, misalnya, pengkaji tidak dapat memahami sedalam-dalamnya tentang keadaan hidup yang dialami mereka dan ini menimbulkan masalah dalam memahami sepenuhnya tentang perkara-perkara yang menentukan tingkat aspirasi penduduk-penduduk tersebut.

Responden-responden juga mungkin tidakjujur dalam memberi sebarang keterangan dan mereka memberi anggapan yang salah berkaitan dengan beberapa perkara. Penduduk-penduduk kawasan setinggan misalnya, sentiasa merasa curiga akan tujuan pengkaji yang sebenarnya dan mereka takut jika pandangan atau pendapat yang diberikan mereka itu akan digunakan oleh pengkaji untuk keperluan pihak yang berkuasa. Dengan itu, mereka sentiasa berhati-hati dalam memberi apa-apa keterangan dan tidak bebas dalam memberi sebarang pandangan terhadap beberapa perkara yang ingin diketahui pengkaji. Faktur ini mungkin akan menimbulkan satu kajian yang tidak begitu "valid" atau yang benar-benar memuaskan.

Oleh kerana kedua-dua penduduk di kawasan kajian ini mempunyai tingkat pengetahuan yang berlainan, maka begitu jugalah kemampuan pemahaman (power of understanding) mereka. Bila soalan-soalan dikemukakan, didapati bahawa penduduk-penduduk daripada Kompong Mayang tidak mempunyai masalah dalam memahami apa-apa perkara juga, tetapi ini adalah disebaliknya bagi penduduk-penduduk kawasan setinggan. Mereka terpaksa diterangkan dulu konsep-konsep atau soalan-soalan yang ditemudugakan itu. Pengkaji juga terpaksa memandunya dalam

menjawab soalan-soalan tersebut dan dengan itu mungkin tidak akan menimbulkan suatu kajian yang betul-betul "valid" dan "objektif".

Berkaitan dengan cadangan-cadangan untuk kajian-kajian di masa hadapan, tidak terdapat satu peraturan atau syur-syur yang konkret berkaitan dengan perkara tersebut. Apa yang dapat dikatakan adalah, jika kajian yang sama hendak dijalankan, pengkaji tersebut mestilah bersedia menghadapi masalah-masalah semasa penyelidikan dijalankan dan cuba membaikinya dengan seberapa yang boleh.

Jika metode "soal selidik" digunakan, pengkaji tidak digalakkan untuk melepaskan begitu sahaja ke tangan responden. Oleh kerana kajian ini terlalu luas bidangnya dan konsep-konsep yang sukar difahami oleh responden-responden sering digunakan maka perbincangan bersama atau keterangan diperlukan untuk mengelakkan kesalahfahaman anggapan dan sebagainya. Ini terutamanya perlu jika pengkaji tersebut menjalankan kajian di kalangan mereka yang tidak mempunyai pelajaran yang tinggi dan tidak berapa tahu menulis; seperti yang terdapat di kalangan sebahagian daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan ini.

Pengkaji mesti berhati-hati dalam mendapatkan apa-apa butir atau keterangan daripada responden-responden dan cuba mengenepikan perkara-perkara yang terlalu personal kerana ini boleh menimbulkan keraguan kepada mereka.

Pengkaji digalakkan supaya menjalankan kajian secara pemerhatian dan bertemuramah secara terbuka¹ supaya dapat mengaitkan perlakuan hatian mereka dengan

¹ Iaitu temuduga yang tidak berstruktur dan perbuatan-perbuatan terbuka.

aspirasi yang terpendam disanubari mereka dan supaya adanya pertalian diantara apa yang dicatat di dalam "questionnaires" dengan apa yang dirasa dan difikirkan oleh mereka.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

1. Cantril, Hadley - 'Patterns of Human Concerns', New Brunswick, N.J. Rutgers University Press, 1965.
2. English, Horace B and Ava Champrey, A Comprehensive Dictionary of Psychological and Psychoanalytical Terms; a guide to usage, copyright by David Mc Kay Co. Inc. London, Longmans 1958.
3. Helson, Harry - Adaptation Level Theory - An Experimental and Systematic Approach to Behaviour; Harper and Row, New York, 1964.
4. Krech Crutchfield and Bullachey, Individual in Society, International Student Edition Mc Graw Hill Book Co. Inc. Kogakusha Co. Ltd; New York, 1962.
5. Sellitz C, Jahoda and Deutsch M, Cook S.W. Research Methods in Social Relations, Rev. ed. by H. Holf, New York, 1959.